



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN NOORIZAN MOHAMED
TOKOH PENDIDIKAN

OLEH:

| | |
|----------------------------|------------|
| NAZATUL ASHIKIN BT SAMION | 2021477866 |
| NUR ALIFAH ILYANA BT ROSLI | 2021871574 |

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN NOORIZAN MOHAMED
TOKOH PENDIDIKAN

OLEH:

NAZATUL ASHIKIN BINTI SAMION 2021477866
NUR ALIFAH ILYANA BINTI ROSLI 2021871574

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan kesyukuran kehadiran Ilahi kerana telah memberikan kesihatan yang baik dan memudahkan urusan kepada saya untuk menyelesaikan tugas Sejarah Lisan (Oral History) ini dengan lancar.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Puan NurulAnnisa binti Abdullah selaku pensyarah subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) kerana telah memberi tunjuk ajar dan memudahkan cara untuk saya menyelesaikan tugas ini. Terima kasih juga diucapkan kerana sentiasa bersedia untuk menjawab setiap persoalan kami.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Puan Noorizan Mohamed selaku tokoh yang sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama untuk di temubual bagi memenuhi keperluan tugas ini. Terima kasih juga diucapkan kerana sudi berkongsi cerita mengenai latar belakang dan pengalaman selama terlibat dalam bidang pendidikan ini.

Tidak dilupakan juga kepada rakan seperjuangan yang sudi bertungkus-lumus membantu menyiapkan tugas ini bersama-sama. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan sekelas yang sedia memberi tunjuk ajar dan cadangan yang bernas. Tidak dilupakan kepada ibubapa yang sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kejayaan saya dalam menyiapkan tugas ini.

Akhir kata, sebelum menutup bicara, saya ingin mengucapkan sekalung terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pembikinan tugas ini secara langsung atau tidak langsung. Kesudian anda amat saya hargai.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

| | |
|---------------------------------------|------|
| PENGHARGAAN | i |
| ABSTRAK | v |
| SENARAI ABREVIASI | viii |
| SENARAI SINGKATAN | xi |
| BIODATA PENEMUBUAL | 1 |
| BIODATA TOKOH | 4 |
| PENGENALAN | 7 |
| TRANSKRIP | 10 |
| BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH | 11 |
| BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN | 17 |
| BAHAGIAN 3: KERJAYA | 26 |
| BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN | 40 |
| BAHAGIAN 5: HARAPAN | 55 |
| LAMPIRAN | 61 |
| LOG WAWANCARA | 62 |
| DIARI KAJIAN | 67 |
| SOALAN TEMUBUAL | 70 |
| SURAT PERJANJIAN | 76 |
| GAMBAR | 77 |
| INDEKS | 78 |

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Puan Noorizan Mohamed mengenai kerjaya beliau dalam bidang pendidikan. Transkrip temubual ini dijalankan di rumah Puan Noorizan Mohamed sendiri di No 74, Cabang Tiga Kamil, 16800 Pasir Puteh, Kelantan. Beliau merupakan bekas Pengetua di Sekolah Kebangsaan Menengah Jalan Empat Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.*

Beliau telah menceburi bidang pendidikan selama 34 tahun. Beliau mula berkecimpung dalam bidang pendidikan apabila mula dimasukkan ke Universiti Putra Malaysia (UPM) dan sejak itulah beliau mula berjinak-jinak dalam guruan. Temubual ini menumpukan beliau tentang pengalaman beliau sepanjang menceburi bidang pendidikan dan menjadi tokoh Guru Kebangsaan .

Kata kunci: *Puan Noorizan Mohamed, pendidikan, UPM, Guru Kebangsaan.*

Abstract: *This transcript contains an interview with Mrs. Noorizan Mohamed about her career in education. The transcript of this interview was conducted at Puan Noorizan Mohamed's own home at No 74, Cabang Tiga Kamil, 16800 Pasir Puteh, Kelantan. Beliau is a former Principal at Sekolah Kebangsaan Menengah Jalan Empat Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.*

She has been involved in education for 34 years. She started dabbling in the field of education when she was first admitted to Universiti Putra Malaysia (UPM) and since then she started dabbling in teaching. This interview focuses on her purchase experience throughout her venture into the field of education and becoming a National Teacher figure.

Keywords: *Puan Noorizan Mohamed, education, UPM, National Teacher*

SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN ABREVIASI | MAKSUD |
|----------------------------|------------------------------------|
| UiTM | Universiti Teknologi Mara |
| UPM | Universiti Putra Malaysia |
| SMKA | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama |
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| SYP | Sultan Yahta Putra |
| PJ | Pendidikan Jasmani |
| PJK | Pendidikan Jasmani dan Kesihatan |
| PE | Physical Exercise |
| BM | Bahasa Melayu |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| MCE | Malaysian Certificate of Education |
| USM | Universiti Sains Malaysia |
| OKU | Orang Kurang Upaya |
| IKM | Institut Kemahiran Mara |
| MARA | Majlis Amanah Rakyat |
| HRD | Human Resource Development |
| PK HEM | Penolong Kanan Hal Ehwal Murid |
| SMK | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| RTM | Radio Televisyen Malaysia |
| PKP | Perintah Kawalan Pergerakan |
| IT | Information Technology |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| PDP | Pengajaran Dan Pembelajaran |

| | |
|-------|---------------------------------|
| PIBG | Persatuan Ibu Bapa dan Guru |
| UPSR | Ujian Pencapaian Sekolah Rendah |
| SBT | Sekolah Berprestasi Tinggi |
| INTAN | Institut Tadbiran Awam Negara |
| UK | United Kingdom |
| PPD | Pejabat Pelajaran Daerah |
| APC | Anugerah Perkhidmatan Cemerlang |
| PMR | Penilaian Menengah Rendah |
| NKRA | National Key Result Areas |
| PM | Perdana Menteri |
| KL | Kuala Lumpur |
| JERI | Jasmani Emosi Rohani Intelek |

SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|-------------|---|-------------------------------|
| NAS | : | Nazatul Ashikin binti Samion |
| NAIR | : | Nur Alifah Ilyana binti Rosli |
| PNM | : | Puan Noorizan binti Mohamed |

RUJUKAN KATA

| | |
|--------------------|--------------------------------|
| Baruni | Baru ini |
| Bekeng | Garang |
| Kitorang | Kami |
| Ye | Ya |
| Tu | Itu |
| Ni | Ini |
| Sorang | Seorang |
| Je/ aje | Sahaja |
| Pastu/ pahtu | Selepas itu |
| Takde | Tiada |
| Gah | Masyhur |
| Peseng | Jenis |
| Mas | Emas |
| Cebok | Gayung |
| Sohor | Terkenal |
| Kat | Dekat |
| Ape | Apa |
| Dorang /diorang | Mereka |
| Koko | Kokurikulum |
| Ambik | Ambil |
| Sohor | Terkenal |
| Jugak | Juga |
| Oral Documentation | Pendokumentasian Sejarah Lisan |

| | |
|-------------------|-------------------------|
| So | Jadi |
| Form 1 | Tingkatan 1 |
| Form 5 | Tingkatan 5 |
| Share | Kongsi |
| Resolve puzzle | Menyelesaikan teka-teki |
| You all | Kamu semua |
| Gather | Kumpul |
| Enjoy | Nikmati |
| Happy | Gembira |
| Part | Bahagian |
| Physical Exercise | Latihan Fizikal |
| Drawing | Lukisan |
| English | Bahasa Inggeris |
| Language | Bahasa |
| Form 2 | Tingkatan 2 |
| Recorder | Perakam |
| Form 4 | Tingkatan 4 |
| Chairman | Pengerusi |
| Science science | Persatuan sains |
| Long distance | Jarak jauh |
| Netball | Bola jaring |
| Book | Buku |
| Stop | Berhenti |
| Addmath | Matematik tambahan |
| Student | Pelajar |
| Every year | Setiap tahun |

| | |
|---------------------------|-----------------------------|
| Slow learner | Lambat belajar |
| School prefect | Pengawas sekolah |
| Excited | Teruja |
| Town and country planning | Perancangan bandar dan desa |
| Part time | Sambilan |
| Human resource | Sumber manusia |
| development | pembangunan |
| oversea | luar negara |
| flashback | imbas kembali |
| first day | hari pertama |
| degree | ijazah |
| offer job | tawaran kerja |
| family | keluarga |
| sikit | sedikit |
| time | masa |
| first posting | tugas pertama |
| very happy environment | suasana sangat gembira |
| fun | seronok |
| every weekend | setiap minggu |
| baby | bayi |
| tension | tekanan/ stress |
| dealing | berurusan |
| chalk and talk | kapur dan bercakap |
| naya | jahat |
| paper | kertas |
| background | latar belakang |

| | |
|--------------------|-----------------------------|
| survive | bertahan |
| homework | kerja rumah |
| search | cari |
| work from home | kerja dari rumah |
| Thats why | Sebab itu |
| barabuk | berhabuk |
| teach and learning | pengajaran dan pembelajaran |
| modern | moden |
| lecturer chair | kerusi pensyarah |
| recommend | mengesyorkan |
| bukak | buka |
| present | bentang |
| resources | bahan - bahan |
| usually | selalunya |
| basic | asas |
| how are you | apa khabar |
| good morning | selamat pagi |
| all | semua |
| expose | dedahkan |
| chess | catur |
| football | bola sepak |
| coach | jurulatih |
| sign | tanda |
| conference | persidangan |
| workshop | bengkel |
| link | pautan |

| | |
|---------------------|------------------|
| linkage | kaitan |
| benchmarking | penanda aras |
| thinking schools | sekolah berfikir |
| interview | temuduga |
| score | markah |
| teamwork | kerja berpasukan |
| Green Project | Projek Hijau |
| Project of the year | Projek Tahunan |
| it's not easy | ia tidak mudah |
| evidence | bukti |
| check | semak |
| swab test | ujian swab |
| short notice | notis pendek |
| flight | penerbangan |
| drive | memandu |
| Tailor | tukang jahit |
| dry cleaning | cucian kering |
| of course | sudah tentu |
| positive vibes | aura positif |

BIODATA PENEMUBUAL

PENEMUBUAL PERTAMA



| | |
|--------------|--|
| Nama | Nazatul Ashikin binti Samion |
| Tarikh lahir | |
| Tempat lahir | ,Terengganu |
| Alamat | Terengganu. |
| No Telefon | |
| E-mel | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) |
| Program | Pengurusan Sistem (IM245) |

PENEMUBUAL KEDUA



| | |
|--------------|--|
| Nama | Nur Alifah Ilyana binti Rosli |
| Tarikh lahir | |
| Tempat lahir | Kota Bharu |
| Alamat | Kelantan |
| No Telefon | |
| E-mel | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) |
| Program | Pengurusan Sistem (IM245) |

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Noorizan binti Mohamed

Tarikh lahir :

Tempat lahir : Kelantan

Umur :

Adik-beradik : 8 orang adik-beradik

Status : Berkahwin

Pekerjaan : Pesara Guru

Nama suami :

Nama ibu :

Nama Ayah :

Alamat : Kelantan

Pendidikan :

- Kamil Primary School, Pasir Puteh, Kelantan (1963-1968)
- Kamil Secondary School, Pasir Puteh, Kelantan (1969-1973)
- Pra-universiti di Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru (1974)
- Universiti Pertanian Malaysia, Serdang (1974)
- Ijazah Sains dan Pendidikan di UPm (1980)
- Master Sains (Pengurusan Sumber Manusia) (2000)

Pencapaian dan Sumbangan :

- Watikah Pelantikan Pengetua Cemerlang
- Anugerah Pengurusan Ko-Kurikulum
- Education Partner (2016)
- Education Advisor (2018)
- Tokoh Guru Negeri Selangor (2016)
- Tokoh Guru Kebangsaan (2021)

PENGENALAN

PENGENALAN

Tugasan projek ini dijalankan di bawah kursus IMR 604, Oral History Documentation atau Pendokumentasian Sejarah Lisan. Kami dari Fakulti Pengurusan Maklumat jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Sistem) Maklumat telah ditugaskan untuk menjalankan satu projek pendokumentasian sejarah lisan yang diadakan bersama dengan tokoh pilihan. Bagi memenuhi kriteria tokoh pilihan dalam kursus IMR 604 ini, tokoh tersebut mestilah berusia lebih kurang 50 tahun dan ke atas, mempunyai banyak pengalaman dalam bidang kerjayanya dan banyak sumbangannya terhadap pembangunan negara. Pengalaman yang banyak dan berguna dari seorang tokoh insan wajar dikongsi dan dijadikan contoh yang baik kepada masyarakat. Ketokohnya akan dibukukan dalam sebuah transkrip dari perbualan secara lisan bersama beliau.

Tokoh pendidikan merupakan orang yang telah berjasa kepada negara dalam bidang pendidikan yang boleh dijadikan contoh kepada generasi pada masa kini dan akan datang. Kejayaan yang dicapai dan sumbangan yang dicurahkan dijadikan aspirasi dan motivasi kepada semua lapisan masyarakat. Pengorbanan dan penat lelah mereka dalam mencurahkan bakti membangunkan negara terutamanya selepas negara mencapai kemerdekaan wajar dijadikan iktibar. Antara tokoh-tokoh yang boleh dijadikan contoh adalah Tan Sri Aminuddin Baki, Tan Sri Dr. Ungku Omar, Profesor Diraja Ungku Aziz Prof. Khoo Kay Kim, dan lain-lain. Masyarakat setempat harus mencontohi tokoh-tokoh berkenaan dalam menyumbang tenaga untuk memajukan pendidikan kepada masyarakat.

Seorang tokoh telah kami pilih berdasarkan ketokohan dan pengalaman beliau yang sangat banyak dalam bidang pendidikan. Beliau ialah Puan Noorizan Mohamed. Beliau merupakan seorang insan yang telah banyak menyumbang dalam pendidikan dalam dan luar negara. Beliau merupakan tokoh guru yang disegani oleh masyarakat pendidik terutama di daerah Pasir Puteh, Kelantan yang wajar dijadikan contoh dan teladan dalam dunia pendidikan. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada pengorbanan tokoh guru dalam bidang pendidikan sebagai catatan bagi generasi masa depan dalam tempoh masa dari tahun 1980 hingga tahun 2014.

Pendokumentasian ini adalah untuk mengetahui sedikit sebanyak pengalaman yang telah dilalui sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sehingga sekarang. Pengalaman Puan Noorizan Mohamed adalah pengalaman yang sangat berguna untuk kami kongsi dari sudut ketokohan, kepimpinan, pengorbanan, dan komitmen yang telah diberikan oleh beliau.

Sebuah sesi wawancara telah diadakan bersama Puan Noorizan Mohamed oleh pelajar-pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan, cawangan Machang. Pelajar-pelajar tersebut bernama Nazatul Ashikin binti Samion dan Nur Alifah Ilyana binti Rosli. Sesi wawancara telah diadakan di rumah beliau sendiri di No 74, Cabang Tiga Kamil, 16800 Pasir Puteh, Kelantan. Tepat pada jam 10.30 pagi, sesi wawancara bermula dan berlangsung selama kira-kira dua jam. Wawancara telah tamat pada kira-kira jam 1230 tengahari.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama-sama kami ialah Puan Noorizan Mohamed yang merupakan seorang tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2021. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 21 Disember 2023 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 9.30pagi bertempat di Pasir Puteh, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Nazatul Ashikin Samion dan Nur Alifah Ilyana Rosli. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

NAS: Nazatul Ashikin binti

Samion

NAIR: Nur Alifah Ilyana binti

Rosli

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NAS : Assalamualaikum dan selamat pagi.

PNM : Waalaikumussalam warahmatullahiwabarakatuh, selamat pagi.

NAS : Puan apa khabar ?

PNM : Alhamdulillah, baik.

NAS : Okay [baik lah]. Pertama sekali kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan kerana sudi di temubual oleh pihak kami. Saya wakil dari UiTM kelantan datang ke sini untuk menemu bual Puan sebagai

memenuhi syarat untuk melengkapkan tugas, *kitorang* [kami] punya subjek *Oral Documentation* [pendokumentasian sejarah lisan]. Pertama sekali saya Nazatul Ashikin Binti Samion dan kawan saya nama Nur Alifah Ilyana binti Rosli. *So* [Jadi] hari ini kami ingin menemu bual puan mengenai sedikit latar belakang.

PNM : *Ye* [ya] boleh, Insha Allah.

NAS : *Okay* [Baik]. Puan lebih selesa dipanggil apa? Cikgu atau Puan ?

PNM : Cikgu (gelak kecil). Cikgu selama- lamanya insha Allah.

NAS : *Okay* [Baik]. Apakah nama penuh cikgu dan nama panggilan cikgu ?

PNM : Nama saya Noorizan binti Mohamed

NAS : Nama panggilan? Biasa ?

PNM : Kawan-kawan panggil ? (memandang NAS)

NAS : (angguk)

PNM : Noorizan

NAS : Berapakah umur cikgu pada tahun ini ?

PNM : Tahun ini, bulan 10 *baruni* [baru ini] baru masuk enam puluh tujuh [67] tahun

NAS : Bilakah tarikh lahir cikgu?

PNM : 15 Oktober 1956

NAS : Dimanakah tempat asal kelahiran cikgu?

PNM : Saya dilahirkan di Kampung Bunut Payong, Kota Bharu, Kelantan

NAS : Dimanakah tempat tinggal cikgu sekarang ?

PNM : Sekarang saya dua tempat tinggal sebab bila suami saya meninggal bulan dua *baruni* [baru ini] anak-anak suruh duduk dengan mereka di Bangi, Bangi Selangor dan sekarang saya balik kesini ada dua rumah lah nanti *lepas ni* [selepas ini] balik ke bangi pula, *so* [jadi] orang tanya kat mana rumah, *so* [jadi] dua- dua, Bangi dan Pasir Puteh.

NAS : Berapakah bilangan adik-beradik puan, adik-beradik cikgu ?

PNM : Adik-beradik lapan orang. Saya anak yang ketiga lah.

NAS : Apakah nama ibu dan nama ayah cikgu ?

PNM : Arwah ibu saya Siti Aisah binti Daud, arwah ayah saya Haji Mohamed bin Abdullah

NAS : Apakah nama arwah cikgu, arwah suami cikgu ?

PNM : Nik Mohamad Nabil bin Nik Mansor

NAS : Boleh saya tahu apakah arwah cikgu, arwah suami cikgu asal dari mana?

PNM : Dia juga daripada Kampung Banggol, Kota Bharu, Kelantan.

NAS : Cikgu mempunyai berapa orang anak ?

PNM : Dua. Dua [2] orang *je* [sahaja].

NAS : Apakah pekerjaan anak cikgu ?

PNM : Yang sulong, Nik Latifah, dia sebagai Guru juga dan sekarang sedang melanjutkan pelajarannya dalam jurusan pendidikan khas untuk PhDnya yang lelaki bekerja dengan jabatan apa di ___ di Cyberjaya.

NAS : Bolehkah cikgu nyatakan latar belakang pendidikan kesemua anak-anak cikgu ?

PNM : Kedua-dua anak saya *tu* [itu], sekolah agama lah, sekolah agama yang perempuan *tu* [itu] di semasa *Form 1* [Tingkatan 1] sampai *Form 5* [Tingkatan 5] di SMKA Naim Lil-Banat yang lelaki di SMKA Hanafiah Pasir Pekan. Lepas *tu* [itu] mereka memasuki universiti, universiti UPM. Kami keluarga UPM, arwah suami saya UPM, saya UPM, anak lelaki saya UPM, anak perempuan UPM, menantu perempuan pun UPM, menantu lelaki *aje* [sahaja] UKM (gelak kecil) semua UPM, cucu-cucu tak, cucu-cucu tak masuk UPM *diorang* [mereka] masuk ada *sorang* [seorang] *tu* [itu] masuk UiTM, apa *tu* [itu] di Melaka yang *sorang* [seorang] lagi di UPSI.

NAS : Baiklah, apakah hobi cikgu ketika di masa lapang?

PNM : Saya suka membaca (gelak kecil), suka membaca macam-macamlah saya membaca dan sekarang saya dah bersara saya berjinak dengan penulisan lah, saya menulis cerpen macam *share* [kongsi] pengalaman lah kongsi pengalaman .

NAS : Apakah prinsip hidup cikgu?

PNM : (gelak kecil) Banyak sebenarnya prinsip saya, saya selalu cakap *kat* [dekat] cikgu saya lah kata Allah Maha Melihat, Allah Maha Melihat apa-apa kita buat Allah lihat. *So* [Jadi], saya kata kalau saya *ni* [ini] sebagai pengetua kan kalau saya ada di sekolah ke saya *takde* [tiada] di sekolah ke sama *je* [sahaja] Allah Maha Melihat, tak payah saya ada baru nak masuk kelas, nak mengajar bila saya ada *takde* [tiada] pun sama. Lepastu satu lagi is *Nothing is impossible* [tiada yang mustahil], kita nak apa-apa pun insha Allah, kita akan usaha kearah *tu* [itu] dan juga saya selalu cakap *kat* [dekat] cikgu-cikgu saya, apa *ni* [ini] kita semua *ni* [ini] sesiapa pun kita macam *resolve puzzle* [menyelesaikan teka-teki], *resolve puzzle* [menyelesaikan teka-teki] saling lengkap melengkapi, macam *you all* [kamu semua] kan *sorang* [seorang] tanya *sorang* [seorang] buat *sorang* [seorang] suruh *ambik* [ambil] gambar makna, maknanya lengkap-melengkap, cikgu di sekolah pun sama *so* [jadi] itu prinsip saya lah Allah Maha Melihat *tu* [itu] nombor satu (gelak kecil).

NAS : Ok [Baik], Apakah aktiviti yang dilakukan apabila bersama keluarga?

PNM Biasanya kami kalau *gather-gather* [kumpul-kumpul] *tu* [itu] kami makan-makan (gelak kecil) makan sambil bercerita anak saya perempuan *tu* memang suka bercerita Allahuakbar, macam- macam cerita, lelaki *tu* [itu] dia, dia dengar *je* [sahaja] lah dia cerita sikit- sikit tapi yang perempuan *tu* [itu] suka masak, suka makan, suka bercerita *so* [jadi] kami *enjoy* [nikmati] lah *happy-happy* [gembira-gembira] insha Allah.

NAS : Ok kita selesai untuk bahagian pertama *part* [bahagian] latar belakang (sambil menunjuk ke arah cikgu).

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

NAS : Okey [Baiklah], kita ke bahagian dua, ke aspek latar belakang pendidikan cikgu. Berkenaan latar belakang pendidikan cikgu pada tahun berapakah cikgu mula mendapat pendidikan?

PNM : Darjah satu, darjah satu 1963, 63(sambil mengangguk kepala)

NAS : Dimanakah cikgu bersekolah rendah dan sekolah menengah?

Di sekolah rendah masa darjah satu di SK SYP, SYP di Sultan Yahya Putera di Kuala Krai lepas *tu* [itu] darjah dua sampai darjah enam sekolah arwah ayah pindah ke Pasir Puteh bersekolah di Kamil Primary School lepas *tu* [itu] pergi ke sekolah menengah Kamil Secondary School.

NAS : Okey [baiklah]. Apakah subjek yang disukai dan tidak disukai ? dan mengapa?

PNM : (gelak kecil) Yang saya suka kalau macam sekolah rendah *tu* [itu] saya suka ustaz mengajar agama cerita nabi, ustaz ajar sembahyang saya suka, PE pun suka PE tu PJ *Physical Exercise* [latihan fizikal] kan sekarang PJK Pendidikan Jasmani, suka main-main lompat-lompat tapi saya suka lukisan pun suka, *drawing* [lukisan] masa sekolah rendah. Bila saya pergi sekolah menengah saya suka subjek *english* [bahasa inggeris] , *english* [bahasa inggeris] pastu [selepas itu] BM [bahasa melayu] *language* [bahasa] lah, *language* [bahasa] dan saya memang suka bahasa, bahasa inggeris, bahasa melayu sukalah baca buku.

NAS : **Subjek yang tidak disukai ? takde [tiada]?**

PNM : Tak suka, rasa okey semua. Okey *je* [sahaja] cikgu ajar apa dengar *je* [sahaja] (gelak kecil) redha *je* [sahaja] .

NAS : **Apakah cikgu aktif dalam persatuan dan kokurikulum ketika itu?**

PNM : Sekolah menengah lah *ye* [ya], sekolah rendah tak aktif sangat *takde* [tiada] lagi kokurikulum. Sekolah menengah saya masa *form 1* [tingkatan satu], *form 2* [tingkatan dua] saya masuk *music society* [kelab muzik] main recorder, recorder dengan apa tanglung apa, apa *tu* [itu] alah yang *tu* [itu] (sambil menggerakkan tangan) apa dia panggil *tu* [itu] (gelak kecil) okey alat muzik kan, okey *recorder* [perakam] *pastu* [selepas itu] saya masuk *science society* [kelab sains] *lepastu* [selepas itu] bila *form 4* [tingkatan 4] *form 5* [tingkatan 5] *tu* [itu] saya pegang jawatan pengerusi lah *chairman* [pengerusi] *ye* [ya] *science society* [persatuan sains], *science society* [persatuan sains] *tu* [itu] saya pegang sebagai *chairman* [pengerusi] pengerusi, dan aktif sukan juga saya lari yang *long distance* [jarak jauh], *long distance runner* [berlari jarak jauh] saya berlari 800 meter, 400 meter selain saya berlari masa *form 4* [tingkatan 4] saya main *netball* [bola jaring] , main *netball* [bola jaring], berlari *long distance* [jarak jauh] dan bila *form 5* [tingkatan 5] arwah ayah kata nak stand MCE ya SPM, MCE dia kata tak payah main lagi baca buku dululah orang tua sikit baca *book* [buku] , baca *book* [buku] (gelak kecil) suruh baca *book* [buku] *so* [jadi] saya *form 5* [tingkatan 5] saya *stop* [berhenti] dulu lepas dah keluar

saya *stop* [berhenti] berlari sampai wakil daerahlah, di kota baru berlari
kat [dekat] stadium *tu* [itu].

NAS : Adakah cikgu mempunyai guru kegemaran ? dan siapa ?

PNM : Guru kegemaran, okey saya sebenarnya guru *tu* [itu] semua saya suka semua guru sebab dia orang baik baik mengajar semua tapi masa saya *form 5* [tingkatan 5] *tu* [itu] yang paling saya suka pengetua kami Mister SA John, SA John dia pengetua dia ajar *addmath* [matematik tambahan], dia ajar *addmath* [matematik tambahan] jadi bila dia ajar *addmath* [matematik tambahan] saya mudah faham kan apa dia masa *form 4* [tingkatan 4] macam susah bila masa *form 5* [tingkatan 5] dia ajar senang pula, *so* [jadi] *okay* [baik] *addmath* [matematik tambahan] yang yang paling saya suka masa tu disamping biologi, sains- sains kan biologi saya suka juga macam mengkaji kan saya suka lah.

NAS : Apakah pencapaian yang cikgu pernah boleh semasa di peringkat sekolah?

PNM : *Okay* [baik] di peringkat sekolah yang paling tertinggillah *okay* [baik] (gelak kecil) saya dulu ambil MCE, SPM kan sekarang *ni* [ini] SPM bila MCE malaysia kan ambil *student* [pelajar] MCE 1973 dan yang paling tertinggi saya dapat *best student* [pelajar terbaik] lah, MCE tu *best student* [pelajar terbaik] untuk MCE 1973 dan sampai sekarang mereka abadikan nama kita dalam majalah sekolah *tu* [itu], *best student* [pelajar terbaik] *every year* [setiap

tahun] kan setiap tahun dan lepas *tu* [itu] adik saya dapat pula best *student* [pelajar terbaik] Alhamdulillah (gelak kecil) *tu* [itu] yang paling tertinggillah.

NAS : Next [Seterusnya], siapakah yang menjadi idola cikgu ketika di bangku sekolah?

PNM : Idola pada waktu itu abang sulung saya lah, abang sulung sebab dia masa *tu* [itu] saya *form* [tingkatan] berapa, *form 3* [tingkatan 3] ke dia, dia dapat masuk USM saya nampak macam hebat masatu dia pasir puteh ni tak ramai yang dapat masuk universiti kalau satu pasir puteh ni [ini] dua tiga orang je *so* [jadi] macam siapa dapat masuk universiti macam *sohor* [terkenal] lah (gelak kecil) jadi macam semua orang tahu abang saya masuk universiti USM dan saya nampak dia masuk universiti naik bas malam pergi USM kan oh hebat *tu* [itu] naik bas mara, masatu naik bas malam pastu dia, dia dengan begnya saya nampak macam hebat *gah* [masyhur] sangat Ya Allah aku nak belajar sungguh-sungguhlah mesti abang saya dia macam nak rajin belajar macam sungguh-sungguhlah supaya kita dapat universiti juga macamtu.

NAS : Oh, kiranya *family* [keluarga] cikgu semua hebat-hebat lah

PNM : (gelak kecil) *takde* [tak ada] lah semua hebat lapan beradik *tu* [itu] kan, *sorang* [seorang] lapan beradik okey lah semua *tu* [itu], *sorang* [seorang] *tu* [itu] dia macam OKU apa lembam, dia boleh urus diri sendiri apa apa cuma dia lemah *slow learner* [lambat belajar], *slow learner* [lambat belajar] pun dia dikira macam OKU sebenarnya dia macam lembam lah kan kalau kita ajar ke apa

dia lambat pikatlah dia faham ni fizikal dia normal cuma dia lembam lah tapi dikira sebagai OKU, yang lain *tu* [itu] Alhamdulillah okey lah

NAS : Ok, ketika di bangku sekolah adakah cikgu pernah menyandang apa-apa jawatan?

PNM : Haa itulah masa sekolah menengah *tu* [itu] lah saya sebagai apa *tu* [itu] sebagai pengerusi persatuan sains dan matematik, *tu* [itu] lah jawatan untuk diri sayalah dan lepas *tu* [itu] saya dilantik sebagai pengawas lah *school prefect* [pengawas sekolah], masa *tu* [itu] *school prefect* [pengawas sekolah] dipanggil *prefect* [pengawas] pengawas *tu* [itu], *school prefect* [pengawas sekolah] *ye* [ya] dan masa *tu* [itu] hebat rasa sebab kita pakai blazer, pakai blazer pakai skirt kan dengan blazer comellah wah hebat betul rasa macam *gah* [masyhur] sangat bila jadi *prefect* [pengawas] (gelak kecil) kan budak kecil kan macam *excited* [teruja] sangat happy [gembira] lah.

NAS : Dimanakah cikgu melanjutkan pelajaran selepas tamat di peringkat sekolah menengah?

Okey selepas SPM lepas MCE saya mohon dua, dua *ye* [ya] masa *tu* [itu] MARA, IKM kan MARA dan juga UPM dan dua-dua dapat, yang mara *ni* [ini] mara saya dapat *town and country planning* [perancangan bandar dan desa], kemudian saya dapat diploma sains di dalam pendidikan dan arwah ayah saya memang kami empat beradik perempuan kan *so* [jadi] dia nak semua anak perempuan jadi cikgu belajar tinggi mana pun jadi cikgu dia kata

so [jadi] saya memang nak masuk MARA in *town and country planning* [perancangan bandar dan desa] kan tapi abah kata mesti jadi cikgulah so [jadi] saya anak yang taat kan (gelak kecil) so [jadi] kita masuk, kita pun jadi cikgu lah macam tu [itu], masuk UPM lah 19, 1974.

NAS : Ok, apakah jurusan yang diambil ketika melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah?

PNM : Ijazah saya sama macam tadi ijazah sains dengan pendidikan, sama jadi cikgu-cikgu jugalah

NAS : Kenapa cikgu ambil jurusan itu?

PNM : Jurusan tu [itu] kan macam saya cakap tadilah arwah ayah saya nakkan anak perempuannya jadi cikgu kan so [jadi] *okaylah* [baiklah] Alhamdulillah pilihan yang tepat lah memang rezeki saya situ Allah bagi kan.

NAS : Seterusnya, apakah jurusan untuk peringkat master dan mengapa ?

PNM : Okey master saya ambil 1980 saya dapat ijazah dan lepas tu [itu] saya mengajar dan lepas tu [itu] saya sambung master *part time* [sambilan] lah *part time* [sambilan] tahun 2000, 2000 dapat master kan saya ambil dalam jurusan HRD *human resource development* [pembangunan sumber manusia] sumber manusia kerana pada waktu itu saya dah bertugas dah jadi cikgu menjawat jawatan PK HEM hal ehwal murid so [jadi] saya pergi sambung master dalam *human resource* [sumber manusia] lah menguruskan sumber manusia.

NAS : Adakah cikgu pernah menyertai kursus-kursus profesional ?

PNM : Eh banyak,(gelak kecil) banyak, banyak kalau campur daripada awal ni memang banyaklah beratus lah yang, yang peringkat daerah peringkat negeri kebangsaan pastu antarabangsa pun saya pergi juga ke *oversea* [luar negara] pun saya pergi juga kendali kursus konferensi memang banyak lah *ye* [ya] lah lama dalam pendidikan kan (sambil mengangguk).

NAS : Apakah pencapaian tertinggi dalam bidang akademik cikgu?

PNM : Okey, itulah yang saya buat master sains, master sains dalam HRD ya *Human Resource Development* [pembangunan sumber manusia] *tu* [itu] tertinggilah.

NAS : Apakah peristiwa manis cikgu sebagai seorang mahasiswa?

PNM : (gelak kecil) malu nak cerita (gelak kecil) okey masa mahasiswa *tu* [itu] hari, ni *flashback* [imbas kembali] lah ya, *flashback* [imbas kembali] 40 tahun lebih. Saya hari pertama saya masuk UPM, apa arwah, arwah ayah saya hantarlah saya ke apa *tu* [itu] UPM *lepastu* [selepas itu] dia baliklah naik bas, saya pergi koperasi nak beli baldi, nak beli *cebok* [gayung] semua kan, kan barang-barang keperluan asrama saya pergi *pastu* [lepas itu] arwah suami dia, dia nampak saya *first day* [hari pertama], *first day* [hari pertama] (gelak kecil) nampak saya masa *tu* [itu] kita tak pakai tudung kan rambut panjang dulu memang dia suka, dia suka lepas *tu* [itu] lah dia datang jumpa saya lepas *tu* [itu] lah saya akan berkahwinlah itu yang paling saya tak lupalah hari pertama

hari masa nak datang masuk UPM, saya kahwin cepat *tu* [itu] *time* [masa] *intern* [latihan industri] dah kahwin dah.

NAS : Siapakah yang mendorong cikgu sehingga mencapai tahap pendidikan tertinggi ?

PNM : Arwah suamilah, arwah suami dengan arwah ayah mereka berdua memang memainkan peranan penting sangatlah sebab mereka ikut saya dulu masa tahun tiga diploma *tu* [itu] kan dah berkahwin, *time* diploma masa *tu* [itu] umur berapa 19, 20 baru kan (gelak kecil) kahwin sebab masa *tu* [itu] dia orang sibuk hantar hantar posting ke Sabah Sarawak *so* [jadi] kalau kita kahwin kita ada suami *duk* [duduk] sini dia tak hantarlah Sabah Sarawak masatu *so* [jadi] saya kami kahwinlah masa diploma lepas *tu* [itu] saya ingat tak nak sambung dah, dah kahwin kan pastu mengandung pula masa *tu* [itu] kan, pastu mengandung masa masa degree *pastu* [selepas itu] saya sambung arwah suami suruh sambung *degree* [ijazah] masa *tu* [itu] mengandung dapat anak sulung *tu* [itu] *pastu* [selepas itu] arwah ayah pun sama dia suruh belajar, belajar tinggi macam mana pun asalkan di Malaysia *je* [sahaja] jangan pergi *oversea* [luar negara] *so* [jadi] dapat *offer job* [tawaran kerja] dulu dapat *ni* [ini] kan isi borang semua untuk di *oversea* [luar negara] kawan saya isi pun dapat sekali sama sama dapat *pastu* [selepas itu] kawan saya dapat saya tak pergilah, tak pergi, tak pergi sebab arwah kata belajar tinggi macam mana pun di Malaysia saja, tu macam itulah.

NAS : Ok, untuk soalan terakhir apakah yang membuatkan cikgu berjaya mencapai tahap pendidikan pada masa itu ?

PNM : Tulah, galakkan daripada suamilah masa *tu* [itu], anak- anak saya masa *tu* [itu] masih belajar lagi dah peringkat along di universiti lah masa *tu* [itu] tahun kelima adik dia masatu SPM dan suami sayalah dia memang galakkan sangat belajar dia bagi sokongan yang padulah *family* [keluarga] semua *so* [jadi] *takde* [tiada] masalahlah saya belajar pun sebab buat *part time* [sambilan] penat *tu* [itu] *part time* [sambilan] kan , *part time* [sambilan] masa *tu* [itu] saya PK HEM memang kerja kita ada jawatan *kat* [dekat] sekolah kan memang penat *sikitlah* [sedikitlah] tapi petang pergi ke UPM *part time* [sambilan] kan belajar daripada kelas sampai Sabtu pun ada kelas tapi arwah suami dia memang baguslah dia, dia memang bagi sokongan yang padulah dengan arwah ayah sayalah.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA

NAIR : *Okey* [baiklah], seterusnya kita ke bahagian kerjaya. Boleh cikgu ceritakan apakah bidang pekerjaan yang mula-mula sekali cikgu ceburi selepas tamat pengajian ?

PNM : (sambil bunyi kamera dan kawan bercakap) Ok, saya tamat pengajian 1980 ijazah sains dengan pendidikan dan saya posting ke SMK Sabak Bernam sebagai seorang gurulah.

NAIR : **Dimanakah Puan memulakan kerja pertama cikgu ?**

PNM : Pertama di SMK Sabak Bernam

NAIR : **Berapakah umur cikgu ketika memulakan kerjaya pertama tersebut ?**

PNM : Masa *tu* [itu] baru habis ijazah 24 tahun lebih kurang, 24 tahun.

NAIR : **Berapakah gaji cikgu ketika itu ?**

PNM : Gaji tak berapa ingat lebih kurang RM 2000, lebih kurangnya tapi masa *tu* [itu] dah banyak 2000 (gelak kecil)

NAIR : **Mengapakah cikgu memutuskan untuk menjadi seorang guru ?**

PNM : (bunyi gelak dan kawan bercakap) Pertama tadi macam saya sebut sebelum *ni* [ini] arwah ayah saya memang semua anak perempuan jadi cikgu kan lepas *tu* [itu] dan bila dah jadi cikgu saya seronok pulalah, kan *time* [masa] cikgu

mengajar apa ni kita sama-sama mengajar dan tengok *ni* [ini] belajar dalam masa mereka berjaya universiti seronoklah

NAIR : Apakah perasaan cikgu ketika ditawarkan jawatan itu ?

PNM : Memang legalah sebab kita dah belajar lama kan masa diploma sains tiga tahun dan sambung lagi ijazah tiga tahun dan lepas *tu* [itu] bila dapat jadi cikgu macam *happy* [gembira] sangat, arwah ayah memang happy sangattlah masa *tu* [itu] datang konvo anak perempuan dah jadi cikgu kan (gelak kecil) *tu* [itu] lah *happy* [gembira] lah Alhamdulillah syukur sangat.

NAIR : Jika cikgu tidak menjadi seorang guru, cikgu fikir akan menjadi apa ?

PNM : Okey, sebab pada hari yang sama saya dapat tawarkan ke UPM saya juga dapat tawaran ke MARA, IKM *ye* [ya] MARA dalam bidang *town and country planning* [perancangan bandar dan desa], mungkinlah saya akan jadi kalau tak masuk UPM masa *tu* [itu] kalau saya pergi ke UPM maka MARA mungkin saya akan jadi *town and country planner* [perancang bandar dan desa] lah mungkin, tapi rezeki saya cikgu kan takpelah pilihan yang tepat lah *tu* [itu].

NAIR : Boleh cikgu ceritakan serba sedikit tentang penglibatan awal cikgu dalam bidang pendidikan ?

PNM : *Okey* [baik], masa saya mula mula mengajar saya apa *tu* [itu] guru biasalah, guru biasa saja guru sains lah dan macam biasalah kita terlibat dengan kokurikulum, guru-guru persatuan dan macam-macam tugas diberikan guru kelas kan untuk tugas tugas guru biasa.

NAIR : Pada tahun bilakah cikgu berkhidmat sebagai tenaga pengajar ?

PNM : Mula mula 1980 selepas, selepas tamat ijazah sains dan pendidikan.

NAIR : Berapa lamakah sudah berkhidmat sebagai tenaga pengajar ?

PNM : Saya berada dalam dunia pendidikan selama tiga puluh empat [34] tahun, lebih kurang 34 tahun di banyak buah sekolahlah.

NAIR : Apakah yang mendorong cikgu untuk menjurus ke bidang pendidikan terutama guru di dalam bidang sains ?

PNM : Sebab saya memang daripada sekolah lagi saya minat bidang sains kan disamping bahasa lah tapi saya minat sains jadi bila kita mengajar budak sains *tu* [itu] kita nampak benda *tu* [itu] eksperimen semua kan saya minatlah, budak- budak pun macam berminat lah dengan buat eksperimen *tu* [itu] sebab kita nampak hasilnya.

NAIR : Apakah cikgu ada memegang apa-apa jawatan di sekolah ?

PNM : Di sekolah masa saya di sekolah *tu* [itu] macam macam jawatan lah kita macam ketua apa *ni* [ini] ketua panitia sebab saya mengajar biologi, ketua ketua panitia biologi, pernah jadi guru disiplin lepas *tu* [itu] dilantik sebagai PK HEM, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid daripada situlah saya dilantik menjadi Pengetua.

NAIR : Pertama kali bergelar guru ? Cikgu dapat bertugas di sekolah mana dan bila?

PNM : Di 1980, saya bertugas sebagai guru di SMK Sabak Bernam Selangor, tahun 1980 *first posting* [tugas pertama] lah *kat* [dekat] situ .

NAIR : Pada permulaan menjadi seorang guru, cikgu mengajar mata pelajaran apa ?

PNM : Sains

NAIR : Adakah para pelajar dapat menerima cara cikgu mengajar atau sebaliknya ?

PNM : Rasa masa *tu* [itu] budak- budak SMK Sabak Bernam, budak- budak bagus jadi orang baik memang anak yang baik dia orang *takde* [tiada] melawan apa dia terima *je* [sahaja] cara kita mengajar masa *tu* [itu] kan *pastu* [selepas itu] kita pun cikgu muda kan *diorang* [mereka] sukalah (gelak kecil) cikgu *first posting* [tugas pertama] kan.

NAIR : Bagaimana pengalaman cikgu menguruskan para pelajar cikgu ?

PNM : Murid- murid *ni* [ini] kan dia macam yalah macam-macam kategori kan ada yang macam nak belajar ada yang nak main- main kan ada yang suka ponteng dia macam-macam *so* [jadi] kita kena *so* [jadi] apa yang kita pelajari dekat universiti dulu tu psikologi pendidikan semua kita aplikasikan lah ada cara kitalah macam mana nak mendekati murid tak boleh garang sangat kan tak

boleh baik sangat kan maknanya kena sesuaikan dengan keadaan merekalah pada waktu itu tapi Alhamdulillah saya dekat *kat* [dekat] sekolah dulu di SMK Sabak Bernam memang saya *happy* [gembira] sangat kat sana sebab murid-muridnya budak kampung kan, kampung naik macam dia ikut *je* [sahaja] cakap apa dia *takde* [tiada] lawan ke apa baik je budak- budak *tu* [itu] memang best lah.

NAIR : Semestinya terdapat tekanan pada awal permulaan mengajar, bagaimana cikgu mengatasi dan menyelesaikan tekanan itu ?

PNM : Sebenarnya *takde* [tiada] lah tekanan sangat sebab, sebab saya macam saya cakap tadi kan di SMK Sabak Bernam tu guru-gurunya baik pengetuanya pun *very happy environment* [suasana sangat gembira] suasana yang sangat macam kondusif *fun* [seronok] kita pun *happy* [gembira] *kat* [dekat] sana kalau dari segi tekanannya tak nampak tak ingat ada tekanan ke tak cumanya pada masa *tu* [itu] macam dari segi mengajar semua *takde* [tiada] tekanan okey semua tapi pada masa itu suami saya dah bekerja dia tinggal kat Kajang dan saya di Sabak Bernam sebab *every weekend* [setiap minggu] saya balik masa *tu* [itu] ada *baby* [bayi] kan anak sulung ada *baby* [bayi] jadi macam *tension* [stress] yang segitulah sebab kami kena *travel* [melancong] kan *travel* [melancong] daripada Sabak Bernam ke Kajang jauh kan lepas *tu* [itu] naik bas, naik bas Express jadi tekanan dari segi *tu* [itu] je lah dari segi jauh, sebab tapi sekolah memang bagus cuma kita *je* [sahaja] lah sebab jauh dengan suami

dengan rumah, masa, ada anak lagi masa *tu* [itu] ada *baby* [bayi] kan, masalah orang gaji itu je lah masalahnya samalah siapa- siapa pun.

NAIR : Pada pendapat cikgu dimanakah letaknya kualiti seorang guru ?

PNM : Kualiti seorang guru yang pertama sekali sang guru mesti ada sifat sabar sebab nak *dealing* [berurusan] dengan apa karenah murid kan macam- macam *peseng* [jenis] murid kan nak bersabar banyak kalau tak sabar itu yang macam nak lempang mulut pun kan nanti cikgu macam macam kan *so* [jadi] kita nak kena sabar banyak lepas *tu* [itu] fahamilah biasa lah di universiti kita belajar psikologi pendidikan masalah remaja kan jadi kita fahamlah masalah remaja, seorang guru mesti sabar dan juga mesti kreatif cara pengajaran dia, dia mesti tak pernah ajar *chalk and talk* [kapur dan bercakap] je bercakap je kan mesti *boring* [bosan] kan sendiri kena ada cara ___ *tu* [itu] , macam di universiti kan dia boleh ajar ___ macam- macam cara nak, nak ambil hati murid- murid belajar *so* [jadi] kita kena ada cara jugalah tak boleh *chalk and talk* [kapur dan bercakap] saja ya kena ada bahan bahan ___ kan untuk, untuk murid- murid macam saya ajar sains buat eksperimen murid sukalah pembedahan bedah katak kan suka dia orang bedah- bedah katak kan sains pun *bio* [biologi] semua kan jadi memang seronoklah kita belajar pelbagai jenis ___ kan

NAIR : Sepanjang tempoh menjadi seorang guru berapa kalikah cikgu bertukar sekolah ?

PNM : *Okay* [Baiklah], sepanjang saya selama 34 tahun di, di dalam bidang pendidikan saya bersekolah saya bertukar di sembilan buah sekolah sebab di mana sembilan buah sekolah maknanya di Selangor dan juga di Kelantan sebab saya ikut suami berpindah kan bila di Selangor saya pergi Selangor bila pindah Kelantan saya balik Kelantan lah macam *tu* [itu].

NAIR : Pada tahun bilakah Puan menjadi Pengetua sekolah dan di sekolah mana?

PNM : Okey, saya dilantik jadi Pengetua pada tahun 2003 di SMK Dusun Nanding dan lepas *tu* [itu] tahun 2000, 2009 saya bertukar ke SMK Jalan Empat Baru Bangi sebuah sekolah elit lah masa *tu* [itu] sekata kawan, *so* [jadi] saya menjadi pengetua di dua buah sekolahlah sehingga saya bersara pada 2014.

NAIR : Apakah cabaran menjadi seorang Pengetua sekolah ?

PNM : Eh banyak cabaran (gelak kecil) banyak cabaran yalah dari segi guru kan macam macam *peseng* [jenis] kan karenah guru yang begitu gini Allahuakbar *so* [jadi] nak menangan guru satu hal murid pun satu hal jugalah terutama sekolah *tu* [itu] macam ada banyak pelbagai kaum kan kadang-kadang ada murid *tu* [itu] dia nak bergaduh kan kita *tension* [stress] kan dia macam perkauman kan kita nak suruh mereka bersatu begitu juga satu cabaran tinggilah bila, bila kita bersekolah di Kelantan tak, tak terasa sebab Melayu

semua kan Melayu Cina okey, kalau sebelah luar memang benda ni lah yang kadang- kadang kita rasa macam *tension* [tekanan] kan *tension* [tekanan] sangat sebab kadang kadang benda kecil pun nak bergaduh lepas *tu* [itu] panggil mama *pastu* [lepas itu] parent [ibu bapa] datang ke sekolah apa *tu* [itu] ugut nak bawa ke press kan nak bawa ke TV3 ugut saya memang banyak kali kena ugut sebab murid saya bergaduh kan *pastu* nak bawa ke TV3 lah nak panggil RTM datang lah gini *so* [jadi] saya nasib baiklah saya ni macam okeylah dari segi komunikasi *so* [jadi] saya komunikasi dengan *parents* [ibu bapa] saya kata kalau encik buat macam ni *kat* [dekat] saya maknanya cik buat *naya* [jahat] *kat* [dekat] sayalah sebab budak-budak bergaduh kan bukan salah saya pun *diorang* [mereka] buat *kat* [dekat] luar sekolah kan, saya pun tak salah, tak salah kata kenapa nak kena bawa saya ke TV3 ni merosakkan kerjaya saya kan maknanya kesian kat sayalah *so* [jadi] tak jadilah dia orang tak jadilah nak nak saman ke, eh ya Allah memang dugaanlah kes macam-macam kes lah macam *you all* [awak semua] baca dalam *paper* [kertas] kes yang Pengetua kena saman semua kan banyak tapi *tu* [itu] lah Allahuakbar bila ingat balik macam mana saya boleh *survive* [bertahan] masa *tu* [itu] (gelak kecil).

NAIR : Bolehkah cikgu berkongsi perasaan atau pengalaman pertama kali menjadi Pengetua sekolah ketika itu?

PNM : Saya menjadi pengetua di SMK Dusun Nanding pada tahun 2003 dan pengalaman *tu* [itu] biasalah kan murid murid daripada pelbagai kaum dan

juga guru guru daripada pelbagai *backgrounds* [latar belakang] kan datang situ dan kami sama sama bina sekolah lah. Sama sama bina sekolahlah untuk membangunkan sekolah sebab sekolah *tu* [itu] baru buka, saya pengetua pertama dekat situ. Jadi sama bangunkan sekolah dan selepas 6 tahun *tu* [itu] dapat tengoklah macam macam kejayaanlah yang dulu kami perolehi, murid murid berjaya kan. Okeylah (gelak kecil)

NAIR : Apakah perkara yang menarik menjadi seorang guru atau pengetua ?

PNM : Yang menariknya apabila kita melihat apa *tu* [itu] anak murid kita berjajalah macam kita sebagai mak kan. Sebagai seorang ibu bila anak kita berjaya kita *happy* [gembira] kan sama *jugak* [juga] sebagai seorang guru pun bila murid kita berjaya kan dah jadi orang, kita rasa *happy* [gembira] lah sebab maksudnya program sekolah kita dah berjajalah menjadikan mereka berjaya dalam hidup mereka pula berbakti kepada komuniti kan. Macam *tu* [itu] lah.

NAIR : Bagaimana suasana sekolah pada masa itu ketika penglibatan cikgu sebagai seorang guru berbanding kini?

PNM : Memang banyak bezalah kalau dulu dengan sekarang kan. Sebab masa sekarang *ni* [ini] kita dapat lihat macam saya lama dalam dunia pendidikan kan saya dapat lihatlah bagaimana transformasi pendidikan telah berlaku di Malaysia. Di mana kalau dulu banyak guru mengajar chalk and talk [kapur dan bercakap] kan, cakap *jer* [sahaja] kadang kadang ada powerpoint kadang ada macam transparenasi kan cikgu guna OHP dulu kan transparenasi. Macam saya, saya ajar Sains kan banyak buat eksperimen lah. Tapi kalau sekarang *ni*

[ini] semua di hujung jari kan, *so* [jadi] macam kita dapat lihat lah macam PKP *tu* [itu] ada hikmahnya sebab daripada situ semua orang belajar teknologi kan, IT kan, itu semua di hujung jari. *So* [jadi] mereka semua macam, macam dah sehati lah dengan *online* [dalam talian] ni. Macam cikgu pun bagi *homework* [kerja rumah] murid murid di sekolah bagi melalui zoom meeting Google kan bagi kat Google Drive kan share Google Drive. *So* [Jadi] macam mudah lah kan ? Itulah bezanya dulu dan sekarang ni [ini]. Dan kita dapat lihat jugalah murid murid dulu mereka rajin membaca buku kan, pergi *library* [perpustakaan] pinjam buku. Saya sendiri pun dulu masa mengajar Biologi terpaksa pergi ke UPM untuk buat rujukan, buku Bio tebalkan. Tapi sekarang ni semua di hujung jari, taip *je* [sahaja] kan nak apa Google *search* [cari] *je* [sahaja] mesti Google akan cakap dah kan. Mudah *je* [saja] sekarang *ni* [ini] ya maknanya kita boleh belajar dari rumah *work from home* [bekerja dari rumah] buat kerja dekat rumah, belajar dari rumah. Kalau dulu memang tak lincahlah. Itulah bezanya dulu dan sekarang.

NAIR : **Apakah beberapa tradisi yang cikgu ada untuk hari pertama sekolah ?**

PNM : Okey, hari pertama persekolahan ini, ini untuk semua sekolah di Malaysia lah KPM telah tetapkan pada hari pertama sekolah setiap murid mesti ada satu set buku teks, satu set meja dan kerusi. Maknanya datang ke sekolah *tu* [itu], kelas dah cantik dah. *Thats why* [sebab itu] saya sebelum Pengetua, saya takkan, jaranglah saya nak bercuti pada waktu cuti sekolah. Sebab apa saya nak pastikan pekerja semua staf semua akan bersihkan sekolah bersihkan bilik

semua dah susun meja semua cantik cantik. Tak ada habuk habuk kan cuti dekat 2 bulan kan nanti kalau hari pertama masuk sekolah dah *berabuk* [berhabuk] ha kan tak boleh, jadi kami akan sediakanlah pada hari pertama tu. Pada pagi *tu* [itu] hanya dalam perhimpunan sekejap *je* [saja] bagi taklimat kepada murid semua ibu bapa kena ada datang dengar taklimat kami. Selepas *tu* [itu] masuk ke kelas dah cantik dah kelas kan dah sedia untuk belajar dan selepas itu mereka akan pergi ambil buku teks dengan, di bilik buku teks *tu* [itu] dengan guru kelas masing masing dan biasanya lepas rehat itu dah boleh mula dah PDP *teach and learning* [pengajaran dan pembelajaran] *dah* [sudah] bermula lepas rehat. Tapi apa *ni* [ini] kalau ada sekolah yang *tak* [tidak] buat *tu* [itu] memang kenalah sebab biasanya Nazir akan, akan datang *round* [pusing] sekolah. Nazir datang kan. Kan saya cakap tadi, Allah Maha Melihat kan jangan sebab Nazir je kan. Sebab kita tugas kita kan amanah kita untuk mengajar kan. Itulah yang akan disoal esok *tu* [itu] (gelak kecil).

NAIR : Seterusnya, pada tahun berapakah Cikgu bersara ?

PNM : Saya bersara pada tahun 2014.

NAIR : Selepas Puan bersara, apakah pekerjaan yang dilakukan ?

PNM : Okey, saya bersara 2014 dah akhir dah 2014, 2015 tu saya maknanya *happy* [gembira] lah dah bersara kan ha kita ada aktiviti sendiri. Saya pergi saya banyak belajar la pergi ke surau, ada kelas lah kelas kelas macam macam yang *diorang* [mereka] buat sekarang surau pun dah *modern* [moden] macam

surau macam sekarang dia dah ada kerusi *lecturer chair* [kerusi pensyarah] *tu* [itu] kan maksudnya belajar macam budak universiti *jugak* [juga] kan, belajar kelas dan lepas *tu* [itu] akhir 2015 kawan saya *recommend* [mengesyorkan] saya untuk bekerja dengan LepEad Sdn Bhd program sekolah Amanah bekerjasama dengan KPM lah ya untuk membimbing guru mengajar cara Abad ke - 21 (21st century) learning. *So* [Jadi] memang best lah program ini.

NAIR : Sudah berapa lama Puan, cikgu bekerja di LeapEd dan apakah yang Cikgu lakukan?

PNM : 2016, saya bekerja dengan LeapEd saya ditempatkan di SMK CyberJaya selama setahun dan di situlah kami bimbing guru, pengetua untuk untuk guru guru mengajar cara abad ke -21 dan banyaklah input yang kami bagi pada mereka yang memberikan latihan, kursus kepada guru guru untuk program ini. Dan selepas itu 2017, program sekolah Amanah di bawa ke Jeli, Kelantan untuk 5 buah sekolah. Dan untuk makluman ya program sekolah Amanah ni dia 5 tahun di sebuah sekolah. *So* [Jadi], di Jeli 5 buah sekolah ini mendapat program sekolah Amanah selama 5 tahun lah . 5 tahun la saya berada di Jeli sehingga tahun 2021 saya kira program sekolah Amanah dah *tak* [tidak] ada di Jeli kira habis kontrak lah saya dan kalau saya nak sambung kontrak lagi nak bekerja lagi, saya kena hantar ke ke Perlis. Masa *tu* [itu] dia orang *bukak* [buka] ada sekolah Amanah di Perlis, jadi saya tak nak lah jauh (gelak). Dah 6 tahun saya bersama dengan LeapEd kan. Pada mulanya ingat nak cuba *je* [saja] 3 bulan kan tapi dah apa dia terjebak kan rasa seronok pulak.

NAIR : Boleh kongsi cabaran semasa bekerja di LeapEd ?

PNM : Cabaran di LeapEd *tu* [itu] sebab kita, kita *dealing* [berurusan] dengan guru guru untuk abad ke 21 kan untuk PDP abad ke -21. Maka ada guru yang macam dia selesa dengan cara lama dia mengajar *chalk and talk* [kapur dan bercakap]. Dia rasa kalau macam PDP abad ke -21 kan kita kena murid kena banyak *present* [bentang] kan cikgu mengajar sekejap cikgu cikgu akan soal kan akan soal murid kena ke depan *present* [bentang] lepas *tu* [itu] guru kena siapkan banyak alat bantu mengajar *resources* [bahan bahan] kan. *So* [Jadi], mereka rasa susah susah *setengah* [beberapa] cikgu macam dia tak nak. Dia buat cara lama dia dan dan kalau pengetua *tu* pengetua sekolah *tu* [itu] jenis yang terima sekolah program sekolah Amanah ini senanglah kerja kita. Sebab pengetua yang akan dipantau guru dia kan kalau pengetua sendiri pun tak suka susah saya. Jadi itulah cabaran kami lah *dealing* [berurusan] dengan *human resources* [sumber Manusia] *ni* [ini] memang susahlah kan. Tapi *usually* [selalunya] Alhamdulillah lah bila dah mereka nampak impak impak program sekolah Amanah kepada murid, murid dah pandai ke depan semua dah berani ke depan mereka boleh terima program *ni* [ini] sebab dia orang tahulah kan di Jeli kan budak macam mana kan dia kan sekolah macam kampung dan tak biasa dengan Bahasa Inggeris *ni* [ini] tapi program LeapEd *ni* [ini] dia memang dwibahasa mengajar bahasa Inggeris *jugak* [juga]. Jadi murid murid pun dia macam *basic* [asas] Inggeris dia tahu, *how are you teacher* [apa khabar

cikgu], *how are you madam* [apa khabar puan], *good morning teacher* [selamat Pagi Cikgu], macam *tu* [itu] dia dah *basic* [asas] pandai dah, *how are you today* [apa khabar hari ini]. Dia pandai dah *basic - basic english* [asas - asas bahasa inggeris] *tu* [itu]. *Tu* [Itu] yang buat kita seronok *tu* [itu].

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN

NAS : Okey, seterusnya kita ke bahagian pencapaian dan sumbangan dimana kami ingin mengetahui tentang pencapaian dan sumbangan sebelum Puan, cikgu bersara. Pertama sekali, sewaktu perkhidmatan, selain mengajar adakah cikgu juga melakukan aktiviti lain ?

PNM : Ya, kita guru *ni* [ini] macam *all* [semua] kena buat kan jadi saya boleh mengajar kita juga terlibat dengan kokurikulum dengan sukan kan, sukan kan persatuan. Jadi masa saya dalam perkhidmatan tu saya masa guru biasa, biasanya saya pegang jawatan penasihat Persatuan Sains kan, Persatuan Sains pastu kalau kokurikulum, kita juga jadi guru rumah sukan kan. Latih murid murid *netball* [bola jaring] ke larian ke itulah *basic basic* [asas asas] tugas seorang guru. Bukan mengajar saja tapi kokurikulum, persatuan, dan juga PIBG. Saya juga dalam PIBG dan Alhamdulillah lah bila saya dalam PIBG, saya belajar cara cara menguruskan ibu bapa *deals* [urus] *parents* [ibubapa] kan macam macam kerenah dan macam macam tu macam ni. *So* [jadi] saya banyak saya belajar. *So* [jadi] bila kita banyak tugas di sekolah kita nak baik sebenarnya makna kita *expose* [dedahkan] kan dia *expose* [dedahkan] pada cabaran cabaran lah.

NAS : Boleh cikgu ceritakan penglibatan di peringkat Antarabangsa sewaktu di dalam perkhidmatan ?

PNM : Okey, dalam perkhidmatan saya sebenarnya bila saya jadi pengetua di SMK Jalan 4, Bandar Baru Bangi tahun 2009 daripada situlah banyak saya terlibat dengan peringkat Antarabangsa. Sebab SMK Jalan 4 *tu* [itu] dia adalah sekolah terkawal, sekolah kawalan mana murid murid 5A UPSR yang boleh masuk situ kan 4A pun ada tapi *koko* [kokurikulum] lagi kuat la kan. Sekolah itu memang masa saya masuk situ, mereka sedang disalurkan untuk sekolah harapan Negara. Sekolah harapan Negara dan *so* [jadi] kami bekerja lah ke arah *tu* [itu]. Tengok apa benda borang borang yang kami kena isi kena ada *ape* [apa] kan *so* [jadi] kami bekerja ke arah *tu* [itu]. Maksudnya murid *tu* [itu] mesti, mesti dua dua cemerlang kurikulum dan juga kokurikulum. *So* [Jadi], kami kena, macam kurikulum *takde* [tiada] masalah mereka memang dah cerdik kan 5A kan tapi dari segi kokurikulum macam budak Bangi *ni* [ini] *dorang* [mereka] kebanyakan anak anak yang elit kan *dorang* [mereka] *takde* [tiada] sangat *koko* [kokurikulum] *ni* [ini] kecuali kokurikulum yang elit juga *chess* [catur] kan, *dorang* main *chess* [catur], *swimming* [berenang] kan, memanah, ada bowling maksudnya *dorang* [mereka] lebih terlibat dengan program yang elitlah macam rugby *tu* [itu] (gelak) tapi *football* [bola sepak] *tu* [itu] *dorang* [mereka] minat juga lah. Jadi, saya dan lepas *tu* [itu] kami Nazir datang ke sekolah lah nilai kami dari segi pencapaian kami kan, akademik pun mesti tinggilah kan. Kami pernah dapat terbaik di negara lah untuk pencapaian pencapaian di sekolah *tu* [itu] dan kami juga dari segi sukan pun, cemerlang dari segi apa *tu* [itu] bowling pun kami pergi ke peringkat Antarabangsa. Jadi macam bagus la bila dapat cemerlang dua dua akademik dengan kokurikulum,

kami pun dapat anugerah yang sekolah harapan Negara tadi tak jadi dapat. Kami dapat lebih tinggi lagi sekolah Berprestasi Tinggi High Performing School dapat anugerah *tu* [itu] dan dapat duit banyak 750 ribu. 700 ribu dapat duit, hadiah kan untuk bangunkan sekolah kan, bukan saya dapat. Saya dapat juga tapi dapat *jugak* [juga] hadiahkan tapi tak lah macam banyak 7 ribu untuk bangunkan sekolah. *So* [jadi] dengan duit *tu* [itu] yang lah kami bina kan kokurikulum pergi pertandingan ke peringkat Antarabangsa, gaji *coach* [jurulatih] datang latih budak budak semua kan dan bila duit banyak *tuh* [itu] program pun banyak lagi cemerlang lah murid kan *cam* [macam] *tu* [itu] lah (batuk).

NAS : Seterusnya, selain Antarabangsa, apakah penglibatan cikgu di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah yang diperolehi ?

PNM : Okey yang di peringkat Antarabangsa tadi kan, saya sambung sikit lagi ya. (batuk) Antarabangsa *ni* [ini] macam *ni* [ini], tadi kan saya kata banyak dapat duitkan 700 ratus ribu, jadi saya juga kena ada kelulusan daripada KPM ketua pengarah kena *sign* [tanda] *tu* [itu] kena luluskan saya *tu* [itu] untuk untuk pergi *conference* [persidangan], bengkel, *workshop* [bengkel] semua kan dekat seminar kat Antarabangsa *tu* [itu] kat luar negara. *So* [jadi] saya pergilah untuk *conference* [persidangan] *kat* [dekat] luar negara *tu* [itu] dan negara negara yang saya telah pergi untuk menghadiri *conference* [persidangan] semua *ni* [ini], saya pergi ke Jermany, ke Australia, saya pergi ke Hong Kong, Dubai. *Pastu* [Selepas itu] dah bila balik ke sekolah saya kena *ngajar*

[mengajar] pulaklah cikgu pula kan kena kongsi *sharing* [perkongsian], bukan *ngajar* [mengajar] *sharing sharing* [kongsi-kongsi] ilmu yang saya dapat di sana *tu* [itu]. Saya pergi Bangkok kan tengok *teaching school* [sekolah mengajar] di sana jadi banyak mana saya terlibat dengan apa *tu* [itu] LeapEd, dengan dengan SBT sebab mereka bagi duit. *Every* [setiap] *year* [tahun] mereka bagi duit, KPM bagi duit, kerajaan bagi duit. Tahun kedua bagi 500 ribu, *pastu* [selepas itu] bagi 300 ribu. *So* [jadi], dengan duit *tu* [itu] kami bangukan sekolah dan memanglah kerajinan guru saya pun pergi ke luar negara jugak. Penglibatan hantar budak budak Bowling peringkat Antarabangsa jugak (telefon berdering), hantar bowling lagi kat sana, hantar murid murid pergi Indonesia, Vietnam, macam macamlah.

NAS : (Telefon berdering) Apakah, apakah ?

PNM : Ha kebangsaan tadi kan. Kebangsaan pun sama juga. Kami juga terlibat dengan peringkat kebangsaan (berdehem) (bunyi ayam berkokok) macam saya juga banyaklah kadang kadang di kami buat program macam sebab bila program sekolah sekolah program untuk SBT *ni* [ini] kan SBT Sekolah Berprestasi Tinggi dia kena macam ada *link* [pautan] *linking* [menghubungkan] *linkage* [kaitan] dengan apa ni kerjasama dengan sekolah lain. *So* [Jadi] banyaklah kami pergi melawat sekolah sekolah kami benchmarking [penanda aras], kebangsaan kan. *Pastu* [Selepas itu] saya bawa guru guru saya ke Sarawak, INTAN Sarawak kan bawak staff pergi sana tengok macam mana kami buat kursus di INTAN, Sarawak sebab duit ada.

Pergi melawat Kelantan, pergi ke sekolah Faris Petra, pergi melawat sekolah sekolah yang *gah* [masyhur] lah yang SBT juga lah yang SBT yang di Terengganu, di Kedah kami pergi melawat saya bawak cikgu sekali *ngan* [dengan] staff lah untuk tengok mereka kejayaan mereka kongsi *sharing* [kongsi] lebih kepada *sharing* lah. Pastu peringkat Kebangsaan, peringkat Negeri pun sama lah saya juga dijemput untuk bagi ceramah, bagi bagi *talk* [ucapan] lah untuk perkongsian kan sebab saya banyak pergi kursus di peringkat Antarabangsa tengok sekolah sana *thinking schools* [sekolah berfikir] di London, di England, di UK saya pergi kursus *kat* [dekat] di UK tengok *thinking schools* [sekolah berfikir] di sana balik saya *share* [kongsi] dengan sekolah sekolah lain apa yang kita dapat. Dan peringkat Daerah *tu* [itu] memang banyak (gelak) daerah memang PPD gunakan kami lah untuk peringkat Daerah *tu* [itu] untuk apa *ni* [ini] untuk bantu sekolah sekolah lain yang tak cemerlang sebab kami SMK Jalan 4 dengan sekolah cemerlang memang banyak sekolah lah kami kena bantu yang tak berapa cemerlang *tu* [itu] kan. Cemerlang juga cuma nak dapatkan lebih cemerlang lagi macam *tu* [itu].

NAS : Apakah anugerah anugerah yang pernah cikgu terima semasa perkhidmatan ?

PNM : Dalam perkhidmatan, biasalah kita dapat APC ya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, dapat APC dan juga tadi kan saya cakap sekolah kami SBT Sekolah Berprestasi Tinggi so [jadi] Nazir akan datang check Pengetua. Dia

akan masuk saya akan tengok saya mengajar macam mana saya dengan guru program apa yang saya buat *pastu* [selepas itu] sekolah *ni* [ini] ada peningkatan tak dari segi apa *ni* [ini] *score score* [markah- markah] untuk SPM, PMR kan. *Pastu* [selepas itu] murid saya terlibat dengan Antarabangsa banyak kan program kami *so* [jadi] dia akan *interview* [temuduga] cikgu, *interview* [temuduga] murid macam mana Pengetua Nazir kan Nazir datang dan Alhamdulillah lah saya berjaya dapat Bai'ah Pengetua untuk NKRA kerajaan pada masa itu untuk 3 tahun berturut turut. Alhamdulillah lah Nazir datang tengok okey Pengetua maknanya spesifikasi yang mereka nak *tu* [itu] saya dapat capai lah Alhamdulillah. *So* [jadi] dapat pencapaian yang tertinggi jugak lah dalam perkhidmatan saya Bai'ah Pengetua dan juga saya dilantik sebagai saya mendapat watakah Pengetua cemerlang peringkat Kebangsaan lah tahun lupa maknanya dalam perkhidmatan lah dan banyak lah lagi saya dapat juga anugerah anugerah peringkat Daerah kan, peringkat Daerah, peringkat Negeri. Bila kita dah dah apa sekolah dah bagus kan dah ada nama *tu* [itu] jadi pengetua dia pun tumpang dua kaki (gelak) untuk dapat anugerah pada masa perkhidmatan ya.

NAS : Okey [Baik], bagaimanakah perasaan cikgu ketika menerima anugerah tersebut ?

PNM : Alhamdulillah lah saya rasa bersyukur sangat sebab bila kita dapat anugerah *tu* [itu] maknanya bukan la saya *sorang* [seorang] yang terima tapi sebagai *teamwork* [kerja berpasukan] kami lah kan saya kata di sekolah kita sebagai

macam *dissolve puzzle* [membubarkan teka-teki], lengkap melengkapi kan di mana saya tak boleh bekerja sorang sorang saya mesti bersama sama dengan guru guru. *So* [jadi] ada guru lama dia mahir bahagian *ni* [ini] guru baru mahir bahagian *ni* [ini]. *So* [jadi] mesti lengkap melengkapi ya. *So* [jadi] bila semua *teamwork* [kerja berpasukan] bagus sekolah akan cemerlang lah. InsyaAllah macam *tu* [itu] lah. Kami memang banyak dapat anugerah sekolah kami dari segi sukan pun dapat anugerah, kokurikulum, dan juga akademik *tu* [itu] memanglah budak budak terpilih kan.

NAS : Adakah cikgu menerima anugerah selepas bersara ?

PNM : Selepas bersara, Alhamdulillah lah saya bersara tahun 2014, bila tahun 2016 saya dianugerahkan tokoh guru peringkat Daerah lah, 2018 tokoh guru peringkat Negeri Selangor, dan 2021 Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan. Dan pada dan selepas saya dapat anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2021 *tu* [itu] banyak lagi anugerah lain datang dapat , maknanya macam macam *booster* [penggalak] kan dah menang peringkat Kebangsaan rezeki Allah bagi Alhamdulillah lah *so* [jadi] kebetulan pada tahun 2021 *tu* [itu] saya bekerja dengan LeapEd Sdn Bhd menjalankan program Sekolah Amanah di Jeli. Jadi saya juga masuk pertandingan untuk projek hijau *Green Project* [Projek Hijau] projek EcoWira di Jeli. Kami bawa EcoWira green project ke Jeli dan 5 buah sekolah itu memang buat jalankan projek hijau mereka buat hidroponik semua kan tanam tanaman bela ikan semua *tu* pastu macam macam lah kan program buat untuk EcoWira dan Alhamdulillah pada tahun 2021 kami

mendapat anugerah *Project of the Year* [Projek Tahunan] dengan satu majlis Sustainability Malaysian *Sustainability Awards* [Anugerah Kelestarian] 2021 dapat *Project of the Year* [Projek Tahunan]. Tu [Itu] tahun 2021, dan tahun dan juga pada masa tahun 2021 juga saya dapat Ikon, Ikon Alumni UPM. Ha ikon (gelak) ikon dapat Ikon Alumni UPM dan tahun 2022 saya dapat lagi apa *ni* [ini] dapat majlis untuk Tokoh Alumni UPM jadi Icon kan. Tadi Ikon pastu dapat tokoh pulak Tokoh Alumni UPM dan juga tahun dua ribu no no [tidak tidak] 2022 saya dapat Apresiasi Apresiasi UPM dan tahun 2023 saya dapat tokoh apa *ni* [ini] wanita Kelantan iaitu Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar untuk kategori pendidikan dan *pastu* [selepas itu] saya dapat lagi UPM, UPM untuk Tokoh Alumni UPM kategori sektor awam. Itulah banyaklah anugerah yang kita perolehi selepas *tu* [itu] dalam peringkat Kebangsaan kan. Alhamdulillah rezeki Allah bagi kurnia daripada Allah *tu* [itu] semua.

NAS : Bagaimanakah cikgu boleh terpilih untuk menjadi Tokoh Guru Kebangsaan?

PNM : Dia rezeki, rezeki dan selain daripada kita doa dengan Allah kan rezeki ikhtiar kita nya itulah macam dia dia bermula bila cikgu atau pengetua *tu* [itu] bersara barulah dia akan dinilai untuk tokoh Daerah dulu dan saya sebab kita SMK Jalan 4 kan sebelum bersara kami menang macam macam wang di sekolah so [jadi] rezeki saya dapat Anugerah Tokoh Guru Daerah pastu bila dah menang Daerah di bawa saya bertanding pula peringkat Negeri. Saya kena bertanding pulak di peringkat Negeri, okay so [jadi] peringkat Negeri pastu peringkat

Kebangsaan macam *tu* [itu] lah. Jadi *it's not easy* [ia tidak mudah] *it's not easy* [ia tidak mudah] memang saya saya dari segi dokumentasi *tu* [itu] mesti mesti mantap lah. Kita kena dokumenkan semua apa yang kita buat di sekolah sijil kan sijil kan nak kena ada nanti saya tunjukkan folder saya macam mana saya dokumentasikan semua *tu* [itu] kan dan mana dalam laptop *tu* [itu] gambar gambar lama *tu* [itu] macam saya *duk* [duduk] print out [cetak] apa yang kita buat *tu* [itu] dia nak evidence [bukti] kan itu lah dia. Jadi itulah dia rezekilah rezeki orang orang hebat semua yang masuk bertanding kan tapi bila rezeki Allah bagi kat kita dapatlah.

NAS : Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan merupakan pencapaian yang agak besar, bagaimana perasaan cikgu apabila dinobatkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan?

PNM : Itulah masa masa *diorang* [mereka] Whatsapp *tu* [itu] tahun 2021, malam dah Khamis malam Jumaat saya nak masuk tidur biasa saya akan *check* [semak] Whatsapp. *Check* [Semak] whatsapp eh Puan dah dapat anugerah *ni* [ini] ni ni hari Isnin pergi ambik [ambil] anugerah di Pejabat Perdana Menteri Putrajaya. Itulah Khamis malam Jumaat masa PKP *tu* [itu] PKP *tu* [itu] *pastu* [selepas itu] Allahuakbar nak pergi nak terima anugerah hari Isnin dengan PM Perdana Menteri kan Tan Sri Muhyiddin Yassin dekat pejabat dia hari Isnin. Saya punya Allah *pastu* dia suruh buat swab test [ujian swab] *ni* [ini] kan *swab test* [ujian swab] pastikan covid tak covid nantikan PM dapat covid (gelak) pastikan tak covid. Okey *pastu* saya kejutkan suami eh kata dapat anugerah *ni*

[ini] anugerah *pastu* [lepas itu] *so* [jadi] Allahuakbar hari Jumaat *tu* [itu] baju lagi kan nak siapkan baju (gelak) baju apa nak pakai sebab *short notice* [notis pendek] kan *pastu* nak pergi buat swab test lagi kan Ya Allah telefon sana telefon sini tanya suami nak naik *flight* [penerbangan] ke nak pergi *ngan* [dengan] kereta. Pergi kereta lah barang banyak nak *bawak* [bawa] kan *pastu* [selepas itu] hari Sabtu *tu* [itu] lah suami *drive* [memandu] ke KL. Sabtu lah pergi KL bawa lah baju telepon *Tailor* [tukang jahit] saya nak ambik baju yang tempah *baruni* [baru baru ini] eh bukan *tailor* [tukang jahit] baju yang saya hantar *dry cleaning* [cuci kering] ada baju, saya hantar *dry cleaning* [cuci kering] *tu* [itu] saya telefon dia nak ambik baju hari Sabtu, *pastu* [selepas itu] hari Sabtu *tu* [itu] datang KL, hari Ahad rehat sekejap, hari Isnin nak pergi pejabat nak pergi balai polis lagi kan nak dapat kelulusan Daerah kan nak tunjuk surat *tu* [itu] saya dapat anugerah *ni* [ini] kena pergi pejabat PM okey boleh. Masa *tu* [itu] memang 2021 *very strict* [sangat tegas] masa *tu* [itu] kan PKP *tu* [itu] *pastu* [selepas itu] *happy* [gembira] lah dapat masuk pejabat PM kan bukannya semua orang boleh masuk kan *tu* [itu] yang bergambar dengan PM semua *tu* [itu] kan *happy* [gembira] lah memang bersyukur sangat memang tak sangka ya Allah ya Allah rezeki Allah bagi tak sangka itu lah (gelak kecil).

NAS : Seterusnya, apakah kriteria yang perlu ada untuk mendapatkan gelaran tokoh tersebut?

PNM : Itulah yang saya kata tadi kita macam kita kena program sekolah dia kategori untuk apa apa pertandingan lah peringkat Daerah lagi untuk kita dapat jenis macam sekolah *tu* [itu] mendapat kemenangan. Kemenjadian murid mereka akan lihat kepada kemenjadian murid *so* [jadi] murid murid kita kena baguslah dari segi akademik dan juga dari segi koko [kokorikulum] maknanya murid yang holistik. Mereka akan tengok dari segi *tu* [itu] kan dari segi holistik pastu dokumentasi dokumentasi ada gambar ada sijil ada *evidence* [bukti] lah nak bukti program *tu* [itu] tak boleh cakap saya pergi *ni* [ini] tak boleh. Itulah saya sampai sekarang saya memang *ambik* [ambil] gambar *ambik* [ambil] gambar lah kan bukti dan kalau orang jemput bagi ceramah *tak payah* [tidak perlu] bagi apa apa saya nak sijil sijil *tu* [itu] la kan jadi takpelah okey. Jadi kita kena dokumentasi dan dan *of course* [sudah tentu] la nak suruh guru suka kita kan nak suruh guru bekerja dengan baik kita kena berkomunikasi berkesan *sape* [siapa] pun boss mana mana pun dia kena berkomunikasi berkesan *how you tackle your student* [bagaimana anda menangani pelajar anda] kan dengan murid dengan guru kan macam *tu* [itu] lah. Kalau cikgu tak suka kita pastu tak nak buat kan *so* [jadi] kita sama sama turun padang sama itulah. Tapi pengetua lain pun sama juga *diorang* [mereka] buat kerja sama juga cumanya dah rezeki kita kan bila dah rezeki *tu* [itu] okey Noorizan dapat *ni* [ini] (gelak).

NAS : Apakah cabaran yang dihadapi semasa memegang anugerah Tokoh tersebut?

PNM : Oh cabaran cabaran sebenarnya bukan cabaran juga ya sebab bila saya sebab kebetulan tahun 2021 saya masih bekerja dengan LeapEd saya masih lagi bekerja dengan sekolah Amanah kan di Jeli 5 tahun, di Jeli dan bertubi tubinya nak *interview* [temuduga] saya ni macam artis RTM, TV3, TV7 *pahtu* [selepas itu] apa lagi sekolah sekolah panggil *online* [dalam talian] lah semuanya, *online* [dalam talian] kan nasib baik *online* [dalam talian], kalau ada suruh saya pergi tak pergi lah kan. Dia nak *interview* [temu bual] saya *pastu* [selepas itu] wartawan Berita Harian semua *tu* [itu], Bernama memang jenuh sampai saya terpaksa tolak sebab kita bekerja kan. Kalau nak *interview* [temu bual] saya apa kan hari Sabtu atau sebelah petang ataupun hari Ahad, Jumaat, Sabtu saya kata sebab saya bekerja kan. Jadi kira macam penat *jugak* [juga] lah kan sebab orang *interview* [temubual] dan pada masa yang sama juga program kami di Jeli pun nak kena jalankan jugak yang *tu* [itu] pun *online* [dalam talian] *jugak* [juga] *tuh* [itu] kan banyak *online* [dalam talian] juga saya kena bagi ceramah la apa. Bila *diorang* [mereka] apa Thalasemia penyakit Thalasemia pun jempit saya juga. *So* [Jadi], saya kena baca pasal Thalasemia (gelak) tapi Alhamdulillah lah banyak *sharing* [kongsi] lah saya *share* [kongsi] kan video yang saya bagi saya tunjuk kan banyak booster *tu* [itu] kan banyak lah. Alhamdulillah lah sekarang pun ada lagi sebenarnya tapi dah tak banyak macam dulu lah.

NAS : **Siapakah orang yang selalu memberi motivasi dan semangat kepada Puan?**

PNM : Macam yang saya cakap tadi dari dulu kini dan selamanya lah arwah suami saya lah dia yang banyak memberi motivasi dan dia kalau saya ada apa apa nak pergi kursus apa dia lah yang akan *drive* [memandu] *bawak* [bawa] saya pergi. Dia memang banyak bagi kalau dia tak bagi memang tak ke mana lah saya. Sebab saya *driving* [memandu] dekat dekat saya okey Alhamdulillah tapi kalau jauh saya takut. Dia lah yang selalu *drive* [memandu] saya pergi kursus ke apa kan.

NAS : **Apakah kelebihan mencapai kejayaan tersebut kepada cikgu?**

PNM : Kelebihan dia ya lah apa ya bila kita dapat macam dapat dapat hadiahkan dapat tokoh guru *tu* [itu] banyaklah hadiah yang saya dapat macam peringkat Daerah kan dapat duit bagi duit piala piala semua *ni* [ini] kan. Ada lagi kat Bangi ada lagi saya tak *bawak* [bawa] balik sini dapat anugerah *ni* [ini] dan ada yang bagi macam loket loket *mas* [emas] kan *mas* [emas] *gold bar* [jongkong emas]. UPM bagi saya *gold bar* [jongkong emas] yang Kelantan bagi saya *mas* [emas] dinar banyak lah benda gini yang kita dapatkan. Ini yang fizikal kan yang dari segi *sharing* [kongsi] yang saya sebut bila kita dah dikenali orang akan jemput kita bagi ceramah untuk berkongsi pengalaman bagaimana saya membangunkan sekolah bagaimana kita mendapat kejayaan. *So* [Jadi], saya kongsi lah saya anggap sebagai jariah saya *jugak* [juga] lah kan. Alhamdulillah lah yang *diorang* [mereka] bagi *mas* [emas] apa *tu* [itu] macam kira bonus lah kan tapi yang lebih bermakna itulah yang kita boleh *sharing* pengalaman kita yang menjadi jariah kita InsyaAllah.

NAS : Adakah pencapaian kejayaan itu mempunyai keburukannya?

PNM : *Takde* [Tiada] lah yang buruk bagi saya, saya *always think positively* [sentiasa berfikir secara positif]. Bila kita berfikir secara positif *takde* [tiada] buruk lah bagi saya. Bila Allah dah bagi saya anugerah *ni* [ini]saya nampak memang positif anak anak saya pun mendapat *positive vibes* [aura positif] kan dia bila anak sulong saya pun dia juga masuk pertandingan nak ikut saya juga. Saya ajar dia dokumentasi dia pun dapat anugerah Guru Cemerlang Pendidikan Khas peringkat Negeri Selangor. *So* [jadi] maknanya anak anak buah saya pun macam semangatlah kan bila ada sedara kita dapat anugerah ni yang keburukan nya *takde* [tiada] lah saya rasa. Semua cantik elok yang Allah bagi.

NAS : Adakah cikgu pernah terlibat dengan mana-mana aktiviti lain selepas bersara?

PNM : Selepas bersara aktiviti saya *tu* [itu] lah kami orang tua kan oran tua *ni* [ini] suka *reunion* [perjumpaan] (gelak) kan *so* [jadi] that aktiviti saya kadang kadang saya ada banyak group kan group UPM *group* [kumpulan] sekolah rendah dulu kan *group* [kumpulan] sekolah *group family* [kumpulan keluarga] *so* [jadi] kami memang buat aktiviti lah *reunion* [perjumpaan] kan melalui *reunion* [perjumpaan] kami buat lah aerobik ke apa ke kan. Bagus lah silaturrahim kami ukhuwah kami tak putus lah Alhamdulillah. Dan selepas bersara saya lebih masa untuk belajar *online* [dalam talian] lah kelas *online* [dalam talian] saya belajar Bahasa Arab tak khatam khatam (gelak) saya

belajar susah kan mencabar lah mencabar bahasa Arab *ni* [ini] tapi *takpelah* [tak apalah] nak kejar apa kan belajar *je* [sahaja] lah. Kita tadabbur Al-Quran ya lah semua orang tua orang pencen buat benda *ni* [ini] pergi kelas pergi surau jumpa kawan macam *tu* [itu] lah dengan *family* [keluarga] lebih masa.

NAS : Okey, adakah terdapatnya impian cikgu yang masih belum tercapai sepanjang cikgu bergelar seorang guru?

PNM : Bergelar seorang guru saya rasa dah capai sebab bila saya dapat anugerah *tu* [itu] rasanya yang kita tak sangka memang tak pernah jangka saya dapat anugerah Tokoh Guru Kebangsaan memang tak pernah terpikir bila rasa dah capai semua. Itulah yang tertinggi anugerah tertinggi dalam pendidikan *so* [jadi] Alhamdulillah dan pastu saya dapat yang UPM kan dapat anugerah tertinggi jugak tokoh sektor awam kan jadi rasanya dah capai semua Allah bagi rezeki cukup. Yang Kelantan dapat yang pendidikan kan saya rasa memang tak sangka lah memang tak sangka Allah dah susun hidup saya macam *ni* [ini] tak sangka kan rezeki Alhamdulillah.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: HARAPAN

NAIR : Beralih kepada soalan sumbangan dan harapan , bagaimana cikgu melihat perubahan dalam persepsi masyarakat terhadap bidang pendidikan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini?

PNM : Ya, masyarakat memang semakin *advanced* [maju] pemikiran mereka dan saya lihat bila kita negara hadapi apa kita semua hadapi PKP ya masa covid 19 kan kes covid 19 2019 bermula jadi masa *tu* [itu] lah transformasi pendidikan berlaku kan semua *online* [dalam talian] kan banyak *online* [dalam talian] dan. *So* [Jadi] kita semua dah lalui semua *tu* [itu] jadi saya nampak macam masyarakat pun dah boleh terima lah kan bila maknanya semuanya IT kan dari segi IT semua boleh terima. Macam saya di Jeli dulu pun walaupun line dia tak berapa elok tapi *parents* [ibu bapa] macam bersungguh juga untuk guru juga bersungguh untuk memastikan murid belajar masa PKP walaupun di rumah *learning from home* [belajar dari rumah] kan cikgu pun *work from home* [kerja dari rumah] *so* [jadi] menggunakan IT. *So* [Jadi] saya nampak perubahan dari segi *tu* [itu] lah transformasi pendidikan banyak berlaku dalam PKP *ni* [ini]. Sehingga sekaranglah kami yang bersara pun tak payah pergi keluar untuk dapat ilmu banyak bagi *online* [dalam talian]. Macam saya saya lebih suka *duk* [duduk] *kat* [dekat] rumah daripada keluar bawak kereta malas kan saya cari je mana yang sesuai dengan saya saya buat jadual lah susun dari pagi sampai petang ke, malam ke hari apa susun ikut jadual saya lah untuk *reunion* [perjumpaan] lagi kita *happy* [gembira] dengan cara kita.

NAIR : Boleh cikgu nyatakan antara harapan cikgu kepada pelajar dan masyarakat? sebagai contohnya dalam bidang kurikulum, sahsiah dan pembangunan kerjaya ?

PNM : Sekarang *ni* [ini] dunia dah berubah sekarang *ni* [ini] mereka memilih murid untuk bekerjaya *tu* [itu] bukan saja cemerlang dari segi akademik tapi juga dari segi kokurikulum sahsiah murid insaniah mereka sebab dasar apa dasar pendidikan negara kita pun nak suruh murid menghasilkan murid yang holistik yang serba boleh holistik kan dari segi JERI jasmani emosi rohani intelek kan keterampilan juga nak kena jaga jadi 5 aspek ini kita terapkan ke dalam murid murid kita dan guru *jugak* [juga] akan mengajar untuk dari segi 5 aspek *ni* [ini] juga lah yang kita tekankan di sekolah.

NAIR : Apakah harapan Puan terhadap generasi muda sekarang dalam memupuk minat mereka terhadap bidang pendidikan?

PNM : Tadi di sekolah sendiri masa di sekolah pun kita boleh memupuk minat murid maknanya kepimpinan melalui tauladan kan. Bila cikgu pergi sekolah kan contoh saya dulu macam saya pun suka jadi guru kan masa sekolah dulu saya suka tengok cikgu pakai cantik cantik kan pakai cantik dulu kan baju hijau, subang dia hijau, handbag hijau cantikkan bestnya cikgu sebab *tu* [itu] hari hari tunggu dia datang tengok esok dia pakai warna apa lusa pakai warna apa kan kita akan rasa *happy* [gembira] lah kan tengok cikgu gini tengok macam *wau* [wah] cara dia mengajar kita jadi minat *so* [jadi] untuk memupuk murid

tu [itu] maknanya bila murid tengok kita dia rasa bestnya jadi cikgu macam *tu* [itu] kan kalau bila pergi sekolah asyik marah *bekeng* [garang] cikgu (gelak). Jadi cikgu yang akan fahami jiwa murid *tu* [itu] kan *so* [jadi] murid pun akan minat lah jadi cikgu gini kan. *Setengah* [sesetengah] murid dia tak suka kan tak nak lah aku dia cakap macam susahkan *so it's how you take it* [jadi begitulah cara anda mengambilnya] lah tapi apa *pe* [apa] pun kepimpinan melalui tauladan *tu* [itu] penting lah.

NAIR : **Okey, apakah pesanan cikgu kepada bakal-bakal pendidik di luar sana?**

PNM : Okey, bakal bakal pendidik *tu* [itu] bekerja jangan berkira, jangan berkira masa sebab kalau kita berkira Allah akan berkira dengan kita nanti kan jadi tak payah berkira dengan masa, berkira kerja dan nombor satu nya Allah Maha Melihat kan bila Allah Maha Melihat *tu* [itu] nak ponteng kelas ke alamak (gelak) tak boleh *tu* [itu] kiri kanan malaikat kan *duk* [duduk] catat kan Allah Maha Melihat. *So* [Jadi], jadi itu penting lah pesanan saya maknanya kita jangan berkira nanti Allah berkira dengan kita nanti kan dan juga apa tu guru mesti kena kreatif terutama zaman sekarang *ni* [ini] *online* [dalam talian] kan IT *so* [jadi] macam kalau saya lah cikgu diberi peluang untuk mengajar semula mesti saya seronok sebab kita akan siapkan Powerpoint kita guna Canva kan cantik kan untuk pengajaran kan buat kan masuk kelas tunjuk murid kita duduk je [sahaja] *pastu* [selepas itu] suruh murid present apa yang kamu lihat tadi apa yang kita belajar tadi. Itu cara belajar abad ke -21 kan suruh murid datang ke depan kita kita mendidik murid supaya apa *tu* [itu]

petah bercakap kan sebab bila pergi *interview* [temuduga] nanti macam *you all* [kamu semua] kan nanti nak pergi *interview* [temuduga] kerja kan kena belajar cara bercakap macam spontan kan macam tak boleh macam membaca *je* [saja] nanti dia akan tengok cara kita komunikasi dengan kawan kita kan cara kita bagi idea *so* [jadi] sebenarnya kita latih kita latih semasa di sekolah. Jadi cikgu cikgu kena pandai latih murid pengajaran abad ke -21.

NAIR : Sehingga hari ini, adakah ada impian dan harapan Cikgu yang masih belum tercapai?

PNM : Saya rasa Alhamdulillah saya rasa dah bersyukur ke hadrat Ilahi dah capai semua dah rasa dah lebih dah pun dari apa saya tak jangka dan tak pernah jangka saya dapatkan macam susah dapat eh macam *tu* [itu]. Saya dulu tak pernah terfikir lah dapat anugerah *tu* [itu] anugerah ni [ini] sampai peringkat Kebangsaan yang UPM, yang Kelantan semua kan memang tak pernah terfikir lah dalam agenda kan. Allah dah susun kan dah kerja itu semua rezeki lah. Jadi yang pentingnya saya nak *share* [kongsi] di sini dengan cikgu cikgu saya selalu cakap bagaimana harapan kita lah macam *you all* [kamu semua] *ni* [ini] budak lagi kan remaja kan jadi macam mana harapan ibu bapa terhadap macam mana kita mengharap kejayaan anak anak kita macam *tu* [itu] lah harapan ibu bapa mengharapkan anak anak mereka. Jadi cikgu kena terapkan benda *tu* [itu] dalam fikiran mereka maknanya aku nak suruh anak aku berjaya *so* [jadi] ajarlah elok elok kan sebab *in the end* [akhirnya] Allah pun akan bagi anak kita berjaya. Orang lain cikgu lain pun akan ajar saya selalu suruh

terapkan macam *tu* [itu] kita mesti bersungguh ajar *ni* [ini] eh anak kita pun pandai macam *tu* [itu] kan sebab saya pernah saja nak *share* [kongsi] kan dulu masa saya mengajar di sebuah sekolah di Ampang dulu ada sorang cikgu *tu* [itu] dia memang cemerlang tapi dia hantar anak dia tuisyen dia paksa jadual susun atur cantik tapi dekat sekolah dia ada suka ponteng kelas. Dia kalau pukul 12 lebih *tu* [itu] sekolah anak anak dia sebelah *tu* [itu] dia akan pergi keluar sekolah ada kelas dia tinggal keluar *ambik* [ambil] anak anak dia hantar ke rumah uruskan anak dia. Mana boleh kan *time* [waktu] sekolah kan *pastu* [lepas itu] dia pun bersungut kenapa anak dia tak pandai kan kenapa anak dia tak pandai Matematik *tu* [itu] lah kan maknanya Allah Maha Melihat kan *so* [jadi] apa yang kita buat *tu* [itu] itulah anak kita dapat lah balasan nya kan. Tak tau lah menjadi iktibar lah nak suruh anak kita berjaya pastikan kita didik anak orang dengan cemerlang. Jangan berkira, pengetua kata buat kelas tambahan budak nak periksa kita buat tak macam saya dulu di sekolah Naim dulu hari Sabtu Pengetua tak suruh buat kelas tambahan pun tapi kami beberapa orang cikgu guru Sains, Matematik, Bahasa Inggeris *so* [jadi] kami pakat hari Sabtu biar budak budak datang kelas tambahan yang duk asrama senang lah kan yang berulang pun duk asrama datang kelas tambahan 3 subjek ni 1 jam 1 jam sejam *so* [jadi] *diorang* [mereka] datang kan *pastu* [lepas itu] buat jadual sendiri okey Sains Math English 3 subjek kan dapat A *so* kami tak berkira masa lah. Alhamdulillah *result* [keputusan] elok *so* [jadi] *in the end* [akhirnya] anak kami pun berjaya. Macam *tu* [itu] lah hidup ni *tu* [itu] saja nak *share* [kongsi] dari segi arah *tu* [itu] jangan berkira *you all* [awak semua]

cikgu ke bukan cikgu ke jangan berkira niat kerana Allah ikhlaskan kerana Allah Taala.

NAIR : Jadi, pesanan terakhir Cikgu sebagai seorang imej negara dalam bidang pendidikan ini untuk masyarakat-masyarakat di luar sana?

PNM : Itulah kita juga kena anggap kerja kita walaupun kerja apa sekali pun cikgu ke pegawai bank ke ataupun apa apa kerja lah, kerja sebagai satu ibadah. Ini yang umum kan tadi saya cakap kan jangan berkira kena kreatif kan. *So* [jadi] yang kita nak rumuskan sekarang *ni* [ini] kerja sebagai satu ibadah. Kita buat kerja apa pastikan kita anggap sebagai satu ibadah maknanya Insyallah dapat pahala lah bekerja kan. Jadi itulah yang saya pesan pesanan tadi dah banyak saya sebut rasanya. Nak rumuskan lagi bekerja satu ibadat ya dan guru *tu* [itu] bila kita nak anak kita berjaya macam tu lah juga harapan mereka.

Penutup:

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan pencapaian Puan Hajah Noorizan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan dan memberi manfaat kepada bakal pendidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Nazatul Ashikin Samion dan Nur Alifah Ilyana menemubual Puan Noorizan Mohamed, yang dilahirkan pada 1956, di Pasir Puteh, Kelantan. Temubual ini dijalankan di rumah beliau di No 74, Cabang Tiga Kamil, 16800 Pasir Puteh, Kelantan, mengenai pengalaman dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|--|--|
| BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH | | |
| 0.56 | Tokoh memberitahu nama penuh dan nama panggilan beliau | Noorizan binti Mohamed Noorizan |
| 1.12 | Tokoh memberitahu umur, tarikh lahir dan tempat lahir | Kelantan. |
| 1.36 | Tokoh memberitahu tempat tempat beliau | Bangi Selangor dan Pasir Puteh |
| 2.03 | Tokoh memberitahu bilangan adik-beradik beliau | 8 orang dan beliau anak ketiga |
| 2.14 | Tokoh memberitahu nama bapa dan ibu beliau | |
| 2.28 | Tokoh memberitahu nama arwah suami dan asal | Kampung Banggol, Kota Bharu, Kelantan. |

| | | |
|--|---|---|
| 2.53 | Tokoh memberitahu bilangan anak beliau | 2 orang |
| 2.57 | Tokoh memberitahu pekerjaan anak-anak beliau | Nik Latifah (guru) |
| 4.22 | Tokoh memberitahu hobi beliau | Membaca |
| 4.46 | Tokoh memberitahu prinsip hidup beliau | Allah Maha Melihat |
| BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN | | |
| 6.31 | Tokoh menceritakan pada waktu bila beliau mendapat pendidikan dan di mana | Darjah satu 1953, Sultan Yahya Putera, Kuala Krai Kamil Primary School Kamil Secondary School |
| 7.17 | Tokoh memberitahu subjek yang disukai | Agama dan Pendidikan Jasmani |
| 9.40 | Tokoh menceritakan siapa guru kegemaran beliau | Mister SA John |
| 11.10 | Tokoh menceritakan siapa idola beliau | Abang sulung |
| 13.25 | Tokoh menceritakan jurusan diambil di Peringkat Ijazah | Ijazah sains dengan pendidikan |
| 14.51 | Tokoh menceritakan jurusan diambil di peringkat Master | Human Resource |

BAHAGIAN 3: KERJAYA

| | | |
|-------|---|--|
| 19.41 | Bidang pekerjaan dan tahun bila beliau berkhidmat | Beliau melaporkan diri di SMK Sabak Bernam 1980 |
| 23.10 | Tokoh memberitahu apakah mendorong beliau untuk menjurus ke bidang Pendidikan terutama dalam bidang Sains | Memang minat Sains semasa zaman bersekolah |
| 23.29 | Tokoh memberitahu jawatan yang di pegang di sekolah | Ketua Panitia Biologi Guru Disiplin PK HEM |
| 27.31 | Kualiti seorang guru | Sifat penyabar |
| 28.54 | Bilangan bertukar sekolah | 9 buah sekolah di Selangor dan di Kelantan, mengikut suami di mana dia tinggal |
| 29.27 | Tahun bila menjadi Pengetua dan di sekolah mana | 2003, SMK Dusun Nanding 2009, SMK Jalan Empat Baru Bangi, sekolah elit |
| 35.08 | Tradisi untuk Hari Pertama Sekolah | KPM telah tetapkan pada hari pertama sekolah setiap murid mesti ada satu set buku teks, satu set meja dan kerusi |
| 37.00 | Tokoh menceritakan beliau bersara | Bersara 2014, beliau bekerja |

| | | |
|---|---------------------------------|---|
| | pada bila dan bekerja di LeapEd | dengan LeapEd dan ditempatkan di SMK CyberJaya selama setahun dan di situlah kena bimbing guru, pengetua cara abad ke -21 |
| BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN | | |
| 41.46 | Sebelum bersara | <p>Sewaktu dalam perkhidmatan memegang jawatan penasihat Persatuan Sains dan juga PIBG.</p> <p>Sekolah Berprestasi Tinggi High Performing School mendapat anugerah berjumlah RM 750 ribu</p> <p>Mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang</p> <p>Berjaya dapat Bai'ah Pengetua untuk NKRA kerajaan</p> |
| 52.20 | Selepas bersara | <p>Selepas bersara, pada tahun 2016 dianugerahkan Tokoh Guru peringkat Daerah, pada tahun 2018 Tokoh Guru peringkat Negeri Selangor, dan 2021 Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan.</p> <p>Pada tahun 2021 beliau masih bekerja dengan LeapEd bekerja dengan Sekolah Amanah di Jeli</p> |

| | | |
|----------------------------|---------|--|
| | | 5 tahun, dan ramai nak interview seperti RTM, TV3, TV7 |
| BAHAGIAN 5: HARAPAN | | |
| 1.07.23 | Harapan | <p>Menghasilkan murid yang holistik yang serba boleh dari segi JERI jasmani emosi rohani intelek.</p> <p>Boleh memupuk minat murid seperti kepimpinan melalui teladan</p> <p>Jangan berkira dengan masa, berkira kerja dan nombor satu nya Allah Maha Melihat</p> <p>Kerja sebagai satu ibadah</p> |

DIARI KAJIAN

| MASA | TARIKH | PERKARA |
|-----------------|----------------------|--|
| 12.00 PM - 2 PM | 12/10/2023 KHAMIS | <ul style="list-style-type: none">● Kami telah diberi pendedahan tentang Sejarah Lisan semasa di dalam kelas IMR604 oleh Puan Nurulannisa binti Abdullah.● Membuat pemilihan rakan untuk melakukan tugas ini● Membuat perbincangan mengenai pemilihan tokoh |
| 9.00 AM | 19/10/2023 KHAMIS | <ul style="list-style-type: none">● Kami diminta oleh pensyarah untuk mencari tokoh mengikut tema yang telah ditetapkan.● Tema yang dipilih ialah Tokoh Warisan Budaya dan Tokoh Kandungan Tempatan● Kami telah diberi arahan oleh pensyarah untuk mencari tokoh yang memenuhi kriteria yang diperlukan.● Bagi pelajar yang sudah memilih tokoh, Puan Nurulannisa memberikan arahan untuk membuat abstrak dan submit di Google Classroom. |
| 12.00 PM | 26/10/2023 KHAMIS | <ul style="list-style-type: none">● Membuat abstrak mengenai tokoh yang dipilih |

| | | |
|---------------------|------------------------------|---|
| 9.00 AM | 2/11/2023 KHAMIS | <ul style="list-style-type: none"> ● Puan Nurulannisa memberikan arahan untuk teruskan membuat proposal jika abstrak telah diluluskan. |
| 12.30 PM | 5/11/2023 AHAD | <ul style="list-style-type: none"> ● Abstrak telah dihantar di dalam GC dan telah diluluskan oleh pensyarah. |
| 9.00 AM | 9/11/2023 KHAMIS | <ul style="list-style-type: none"> ● Puan Nurulannisa memberikan arahan untuk memulakan membuat soalan soal selidik untuk mereka yang telah confirm dengan tokoh masing masing. ● Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemu ramah. |
| 10 AM | 19/11/2023 AHAD | <ul style="list-style-type: none"> ● Sesi membuat senarai soalan untuk temu ramah. |
| 12 PM - 2 PM | 30/11/2023 KHAMIS | <ul style="list-style-type: none"> ● Sesi 'consultation' soalan temuramah bersama pensyarah. |
| 11 AM - 1 PM | 16/12/2023 SABTU | <ul style="list-style-type: none"> ● Sesi temubual diadakan di rumah beliau, Puan Hajah Habibah Zikri di Marang, Terengganu. |
| 4PM | 17/12/2023 AHAD | <ul style="list-style-type: none"> ● Menghubungi tokoh baru yang bernama Puan Noorizan Mohamed merupakan tokoh Guru Kebangsaan ● Menanyakan tokoh tentang masa kelapangan beliau untuk meneruskan sesi temubual. |
| 3 PM | 18/12/2023 ISNIN | <ul style="list-style-type: none"> ● Memberikan soalan kepada tokoh sebagai rujukan ketika temubual nanti |

| | | |
|----------------------|------------------------------|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Memaklumkan kepada Puan Nurulannisa untuk menukar tokoh baru dan kami dimaklumkan untuk menghantar abstrak baru di Google Classroom dan teruskan dengan temu ramah. |
| 10 AM - 12 PM | 21/12/2023 KHAMIS | <ul style="list-style-type: none"> • Sesi temubual diadakan di rumah beliau, Puan Noorizan Mohamed di Pasir Puteh, Kelantan. |
| 12 PM | 24/12/2023 AHAD | <ul style="list-style-type: none"> • Nazatul Ashikin dan Nur Alifah Ilyana telah berbincang dan membahagi tugas. • Memulakan membuat transkrip. |
| 12 PM - 2 PM | 14/1/2024 AHAD | <ul style="list-style-type: none"> • Menyemak semula format yang telah ditetapkan agar tidak mempunyai sebarang kesalahan sewaktu mencetak dan membukukan transkrip • Menyusun mengikut aturan yang telah ditetapkan |
| 8 PM | 20/1/2024 SABTU | <ul style="list-style-type: none"> • Menyemak buat kali terakhir sebelum menghantar kepada Puan Nurulannisa binti Ibrahim secara atas talian. |
| 2 PM | 22/1/2024 ISNIN | <ul style="list-style-type: none"> • Menghantar transkrip ke kedai pencetakan untuk dibukukan. |

SOALAN TEMUBUAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama-sama kami ialah Puan Noorizan Mohamed yang merupakan seorang tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2021. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 20 Disember 2023 bersamaan dengan hari ...pada pukul .. bertempat di ... Temubual ini dikendalikan oleh Nazatul Ashikin Samion dan Nur Alifah Ilyana Rosli. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

NAS: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya Nazatul Ashikin binti Samion dan pasangan saya Nur Alifah Ilyana binti Rosli. Jadi hari ini kami ingin menemu bual mengenai biografi diri Puan Noorizan. Bolehkah Puan ceritakan sedikit latar belakang Puan seperti :

1.0 LATAR BELAKANG TOKOH

1. Apakah nama penuh Puan dan nama panggilan ?
2. Berapakah umur Puan pada tahun ini ?
3. Bilakah tarikh lahir Puan ?
4. Dimanakah tempat asal kelahiran puan ?
5. Dimanakah tempat tinggal Puan sekarang?
6. Berapakah bilangan adik-beradik puan ?
7. Puan anak yang beberapa ?
8. Apakah nama ibu dan nama ayah Puan?
9. Apakah nama suami Puan?
10. Berapakah umur Suami Puan?
11. Apakah pekerjaan suami Puan?

12. Suami Puan berasal dari mana ?
13. Puan mempunyai berapa orang anak ?
14. Apakah pekerjaan anak-anak Puan ?
15. Boleh Puan nyatakan latar belakang pendidikan kesemua anak-anak Puan?
16. Apakah hobi Puan ketika masa lapang?
17. Apakah prinsip hidup Puan?
18. Apakah aktiviti yang dilakukan apabila bersama keluarga ?

2.0 LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Berkenaan dengan latar belakang pendidikan Puan:

19. Pada tahun berapakah Puan mula mendapat pendidikan?
20. Dimanakah Puan bersekolah rendah dan sekolah menengah ?
21. Apakah subjek yang disukai dan tidak disukai ? Mengapa?
22. Apakah Puan aktif dalam persatuan dan kokurikulum ketika itu?
23. Siapakah guru kegemaran Puan ?
24. Apakah subjek kegemaran Puan di sekolah?
25. Apakah pencapaian yang Puan pernah peroleh semasa di peringkat sekolah?
26. Siapakah yang menjadi idola Puan ketika di bangku sekolah?
27. Ketika di bangku sekolah, adakah Puan pernah menyandang apa-apa jawatan?
28. Dimanakah Puan melanjutkan pelajaran selepas tamatnya peringkat sekolah menengah?
29. Apakah jurusan yang diambil ketika melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah ?
30. Kenapa Puan memilih jurusan tersebut ?
31. Seterusnya, apakah jurusan untuk peringkat Master dan mengapa memilihnya?
32. Adakah Puan menyertai kursus - kursus profesional?
33. Apa pencapaian tertinggi dalam bidang akademik puan ?
34. Apakah peristiwa manis Puan sebagai seorang mahasiswa?
35. Siapakah yang mendorong Puan sehingga mencapai tahap pendidikan tertinggi?
36. Apakah yang membuatkan Puan berjaya mencapai tahap pendidikan tertinggi pada masa itu?

3.0 KERJAYA

3.1 KERJAYA AWAL

37. Apakah bidang pekerjaan yang mula-mula sekali puan ceburi selepas tamat pengajian?
38. Dimanakah Puan memulakan kerja pertama Puan ?
39. Berapakah umur Puan ketika memulakan kerjaya pertama tersebut ?
40. Berapakah gaji Puan ketika itu ?
41. Mengapa Puan memutuskan untuk menjadi seorang guru?
42. Apakah perasaan Puan ketika ditawarkan jawatan itu?
43. Jika Puan tidak menjadi seorang guru, Puan fikir Puan akan menjadi apakah sekarang?

3.2 GURU DAN PENGETUA

44. Boleh cikgu ceritakan serba sedikit tentang penglibatan awal cikgu dalam bidang pendidikan?
45. Pada tahun bilakah cikgu berkhidmat sebagai tenaga pengajar?
46. Berapa lamakah sudah berkhidmat sebagai tenaga pengajar?
47. Apakah yang mendorong cikgu untuk menjurus ke bidang pendidikan terutama guru di dalam bidang Bahasa?
48. Apakah cikgu ada memegang apa-apa jawatan di sekolah?
49. Pertama kali bergelar guru? Cikgu dapat bertugas di sekolah mana dan bila?
50. Pada permulaan menjadi seorang guru, cikgu mengajar mata pelajaran apa?
51. Adakah para pelajar dapat menerima cara cikgu mengajar atau sebaliknya?
52. Bagaimana pengalaman cikgu menguruskan para pelajar cikgu?
53. Semestinya terdapat tekanan pada awal permulaan mengajar, bagaimana cikgu mengatasi dan menyelesaikan tekanan itu?
54. Pada pendapat cikgu dimanakah letaknya kualiti seorang guru?
55. Sepanjang tempoh menjadi seorang guru berapa kalikah cikgu bertukar sekolah?

56. Pada tahun bilakah Puan menjadi seorang Pengetua dan di sekolah mana ?
57. Apakah cabaran menjadi seorang Pengetua sekolah ?
58. Bolehkah cikgu berkongsi perasaan atau pengalaman pertama kali menjadi Pengetua sekolah ketika itu?
59. Apakah perkara yang menarik menjadi seorang guru/pengetua ?
60. Pada pendapat Puan, apakah bahan yang paling penting untuk menjadi seorang guru yang cemerlang?
61. Bagaimana suasana sekolah pada masa itu ketika penglibatan cikgu sebagai seorang guru berbanding kini?
62. Apakah beberapa tradisi yang Puan ada untuk Hari Pertama Sekolah?

3.3 PENASIHAT PENDIDIKAN

63. Pada Tahun berapakah cikgu bersara?
64. Selepas Puan bersara, apakah pekerjaan yang dilakukan ?
65. Sudah berapa lama Puan bekerja di LeapEd dan apakah yang Puan lakukan?
66. Selain bekerja di LeapEd, apakah aktiviti lain yang dilakukan ?
67. Apakah cabaran semasa bekerja di LeapEd ?

4.0 PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN

4.1 SEBELUM BERSARA

68. Sewaktu perkhidmatan, selain mengajar adakah Puan juga melakukan aktiviti lain ?
69. Boleh Puan ceritakan penglibatan di peringkat Antarabangsa sewaktu di dalam perkhidmatan ?
70. Selain Antarabangsa, apakah penglibatan Puan di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah yang diperolehi ?
71. Apakah anugerah anugerah yang pernah Puan terima semasa perkhidmatan ?
72. Bagaimanakah perasaan Puan ketika menerima anugerah tersebut ?

4.2 SELEPAS BERSARA

73. Adakah Puan ada menerima anugerah selepas bersara ?
74. Pada tahun bilakah Puan mendapat anugerah Tokoh Guru Kebangsaan?
75. Bagaimanakah puan boleh terpilih untuk menjadi Tokoh Guru Kebangsaan?
76. Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan merupakan pencapaian yang agak besar, bagaimana perasaan cikgu apabila dinobatkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan?
77. Apakah kriteria yang perlu ada untuk mendapatkan gelaran tokoh tersebut?
78. Apakah cabaran yang dihadapi selama memegang anugerah Tokoh tersebut?
79. Apakah sumbangan yang diberikan oleh cikgu sehingga dapat merangkul Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan?
80. Siapakah orang yang selalu memberi motivasi dan semangat kepada Puan?
81. Apakah kelebihan mencapai kejayaan tersebut kepada puan?
82. Adakah pencapaian kejayaan itu mempunyai keburukannya?
83. Adakah Puan pernah terlibat dengan mana-mana aktiviti lain selepas bersara ?

5.0 HARAPAN

Beralih soalan kepada sumbangan dan harapan pula,

84. Bagaimana Puan melihat perubahan dalam persepsi masyarakat terhadap bidang pendidikan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini?
85. Boleh cikgu nyatakan antara harapan cikgu kepada pelajar dan masyarakat? sebagai contohnya dalam bidang kurikulum, sahsiah dan pembangunan kerjaya
86. Apakah harapan Puan terhadap generasi muda sekarang dalam memupuk minat mereka terhadap bidang pendidikan?
87. Apakah pesanan Puan kepada bakal-bakal pendidik di luar sana ?
88. Sehingga hari ini, adakah ada impian dan harapan Puan yang masih belum tercapai?
89. Jadi, pesanan terakhir Puan Noorizan sebagai seorang imej negara dalam bidang pendidikan ini untuk masyarakat-masyarakat di luar sana?

Penutup :

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan pencapaian Puan Hajah Noorizan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan dan memberi manfaat kepada bakal pendidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Noorizan binti Mohamed K/P: pada 21/12/2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (nterviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh: Noorizan Mohamed)
Tarikh: 21/12/2023

(Nama Pensyarah: Nurulnisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

GAMBAR



Gambar 1: Puan Noorizan Mohamed Bersama Alifah Ilyana dan Nazatul Ashikin



Gambar 2: Piala Anugerah Cemerlang

INDEKS

A

Anugerah, x, 6, 44, 46, 47, 48, 65, 66, 74,
78

Aspek, 17, 56

B

Bai'ah, 45, 66

Bidang, 64

Biologi, 35, 64

I

Ikon, 47

Intelek, x

K

Kokurikulum, xiii

Kurikulum, 6

N

Nazir, 36, 41, 44

P

Psikologi, 29, 31

S

Sains, ix, 6, 29, 34, 40, 59, 64, 65

T

Thalasemia, 51

Transformasi, 34, 55

Transparensi, 34